



PARLIMEN KELIMA BELAS

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PERTAHANAN
MALAYSIA BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC
PARLIMEN BERHUBUNG**

**KEMAJUAN PROJEK PEMBANGUNAN KAPAL
PERONDA GENERASI KEDUA - *LITTORAL COMBAT
SHIP* (LCS) TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA BAGI
TEMPOH OKTOBER 2022 HINGGA MEI 2023
(DR.6/2023) DAN JUN HINGGA SEPTEMBER 2023
(DR.13/2023)**

DR. 1 TAHUN 2024



AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 15

- | | |
|---|--|
| 1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin [Masjid Tanah] | -Pengerusi |
| 2. YB Puan Wong Shu Qi [Kluang] | -Naib Pengerusi |
| 3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi] | |
| 4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] | |
| 5. YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] | |
| 6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin] | |
| 7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] | |
| 8. YB Tuan Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju] | |
| 9. YB Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong] | |
| 10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam] | |
| 11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu] | |
| 12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik] | |
| 13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok] | |
| 14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] | |
| 15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin | -Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat |

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
6. Kementerian Ekonomi
7. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

MUKA SURAT 2 - 5

LATAR BELAKANG

MUKA SURAT 5 - 6

PENDAHULUAN

MUKA SURAT 7 - 17


**TINDAKAN SUSULAN BAGI SYOR-SYOR PAC
PARLIMEN**

MUKA SURAT 18

PENUTUP

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

KANDUNGAN



**LAPORAN TINDAKAN
SUSULAN BERHUBUNG
KEMAJUAN PROJEK
PEMBANGUNAN KAPAL
PERONDA GENERASI
KEDUA – *LITTORAL
COMBAT SHIP*(LCS)**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
BAGI SYOR-SYOR
LAPORAN PAC PARLIMEN**

BERHUBUNG

**KEMAJUAN PROJEK PEMBANGUNAN KAPAL PERONDA GENERASI
KEDUA – *LITTORAL COMBAT SHIP* (LCS)
TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA
BAGI TEMPOH OKTOBER 2022 HINGGA MEI 2023 (DR.6/2023)
DAN**

JUN HINGGA SEPTEMBER 2023 (DR.13/2023)

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen membentangkan Laporan PAC Parlimen (DR. 6/2023) bertajuk Kemajuan Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua – *Littoral Combat Ship* (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Bagi Tempoh Oktober 2022 Hingga Mei 2023 yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF), pada 9 Oktober 2023.

Manakala Laporan PAC Parlimen (DR. 13/2023) bertajuk Kemajuan Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua – *Littoral Combat Ship* (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Bagi Tempoh Jun Hingga September 2023 yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) telah dibentangkan pada 14 November 2023.

- 1.2 Dalam laporan berkenaan, PAC telah mengemukakan rumusan dan syor yang perlu diambil tindakan oleh MINDEF iaitu:

A. Enam (6) syor bagi Laporan PAC Parlimen (DR. 6/2023):

- i. MINDEF perlu memastikan pelaksanaan pelan mobilisasi mengikut syarat yang telah ditetapkan dengan kapal pertama LCS disiapkan pada Mei 2024 dan diserahkan kepada TLDM pada Ogos 2026.
- ii. MINDEF perlu memastikan kontraktor pembinaan menyiapkan *detailed design* sepenuhnya termasuk mendapat kelulusan daripada Naval Group sebelum Ogos 2024 seperti yang terkandung dalam SA 6.
- iii. Kerajaan hendaklah memastikan pengambilalihan BNS oleh Ocean Sunshine Bhd. mencapai matlamat asal pelaksanaannya.

- iv. MINDEF dan TLDM bertanggungjawab dalam memastikan keseluruhan projek pembinaan lima (5) buah LCS bernilai RM11.22 bilion disiapkan serta diserahkan kepada TLDM mengikut tempoh dan kos yang telah dipersetujui dalam SA 6.
- v. Kementerian dan agensi kerajaan hendaklah memastikan supaya deraf kontrak yang dirunding dengan syarikat telah dirujuk dan disemak sebagai teratur serta dipersetujui oleh AGC terlebih dahulu sebelum ditandatangani.
- vi. JAN perlu menjalankan pengauditan sebelum LCS 1 diserahkan kepada TLDM dan membentangkannya di Parlimen.

B. Lima (5) syor bagi Laporan PAC Parlimen (DR. 13/2023):

- i. PAC bersetuju supaya MINDEF masih perlu membentangkan laporan kemajuan projek LCS setiap tiga (3) bulan kepada PAC sehingga projek LCS disempurnakan. Namun PAC akan membentangkan laporan kemajuan projek LCS dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan.
- ii. MINDEF perlu membentangkan laporan kemajuan kepada PAC mengikut piawaian pengurusan projek antarabangsa termasuk dan tidak terhad kepada fizikal dan kewangan.
- iii. MINDEF perlu memastikan kontraktor pembinaan menyiapkan *detailed design* sepenuhnya termasuk mendapat kelulusan daripada Naval Group sebelum Ogos 2024 seperti yang terkandung dalam SA 6.
- iv. Pembayaran yang perlu dibuat kepada OEM dan pihak yang sepatutnya hendaklah bertepatan dengan yang digariskan dalam SA 6 agar kelewatan pembinaan dapat dielakkan.

- v. MINDEF dan TLDM perlu memastikan sebarang penggunaan dana digunakan secara berhemah dengan mengutamakan keperluan untuk menyiapkan LCS serta tidak membazir. MOF perlu memainkan peranan lebih proaktif dalam memastikan tiada pembaziran wang rakyat dalam projek pembinaan LCS.

1.3 MINDEF telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim Terhadap Syor-Syor Laporan PAC Bagi Kemajuan Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua – *Littoral Combat Ship* (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Bagi Bagi Tempoh Oktober 2022 Hingga Mei 2023 kepada PAC pada 6 Disember 2023.

Manakala Laporan PAC Bagi Kemajuan Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua – *Littoral Combat Ship* (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Bagi Bagi Tempoh Jun Hingga September 2023 pada 21 Disember 2023.

1.4 Sehubungan itu, PAC telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-syor PAC Parlimen berhubung Kemajuan Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua – *Littoral Combat Ship* (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Bagi Tempoh Oktober 2022 Hingga Mei 2023 dan Jun Hingga September 2023 oleh MINDEF pada 24 Januari 2024 melalui mandat dan punca kuasa seperti berikut:

- i. PM 77 (1) (d) PPMMDR;
- ii. PM 83 (2) PPMMDR; dan
- iii. Seksyen III (11) (b) Pekeliling Am Tahun 1982, Organisasi Kementerian-kementerian.

1.5 Kronologi Tindakan Susulan yang telah diambil Pegawai Pengawal terhadap Syor-Syor Laporan PAC Parlimen - DR. 6/2023 dan DR. 13/2023 diringkaskan seperti jadual berikut:

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIA PERTAHANAN MALAYSIA
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
KEMAJUAN PROJEK PEMBANGUNAN KAPAL PERONDA GENERASI KEDUA
– LITTORAL COMBAT SHIP (LCS) TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA
BAGI TEMPOH OKTOBER 2022 HINGGA MEI 2023 (DR. 6/2023) DAN
JUN HINGGA SEPTEMBER 2023 (DR. 13/2023)


BIL.	TARIKH/ MASA	PERKARA
1.	14 November 2023/ 10.00 pagi	Pembentangan Laporan PAC Parlimen di Dewan Rakyat
2.	6 Disember 2023	Laporan Tindakan Susulan Interim - Kemajuan Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua – <i>Littoral Combat Ship</i> (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Bagi Tempoh Oktober 2022 Hingga Mei 2023 (DR. 6/2023) telah dikemukakan oleh MOF
3.	21 Disember 2023	Laporan Tindakan Susulan Interim - Kemajuan Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua – <i>Littoral Combat Ship</i> (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Bagi Tempoh Jun Hingga September 2023 (DR. 13/2023) telah dikemukakan oleh MOF
3.	24 Januari 2024/ 10.00 pagi	<p>Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-Syor PAC Parlimen bagi Laporan PAC Parlimen (DR. 6/2023 & DR. 13/2023)</p> <p>Saksi:</p> <p>i. Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dato' Seri Isham bin Ishak [Ketua Setiausaha] <p>ii. Boustead Naval Shipyard (BNS)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kepten (B) Ir. Azhar Jumaat (Ketua Pegawai Eksekutif)

2. PENDAHULUAN

2.1 Pada 26 Mei 2023, Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) telah memeterai perjanjian kontrak tambahan ke-6 (SA 6) dengan Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNS) di Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi (LIMA) yang ke-16 dengan pertambahan kos berjumlah RM2.098 bilion menjadikan siling semasa projek LCS milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) berjumlah RM11.226 bilion meningkat daripada RM9.128 bilion.

- 2.2 Perjanjian ini turut menetapkan penyiapan hanya lima (5) buah LCS berbanding enam (6) sebelum ini dengan penyerahan kepada TLDM antara 26 Ogos 2026 sehingga 26 April 2029.
- 2.3 Antara isu utama yang telah dibangkitkan adalah perkembangan bagi kemajuan pembinaan kapal LCS mengikut jadual perancangan yang telah ditetapkan, kedudukan kewangan dan status terkini pengambilalihan pemilikan BNS oleh Syarikat Bertujuan Khas [*Special Purpose Vehicle* (SPV)] Milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) – Ocean Sunshine Berhad (OSB). Isu-isu yang dibangkitkan adalah mengkhususkan kepada perkembangan pembinaan projek LCS daripada bulan Oktober 2022 hingga Mei 2023 dan Jun hingga September 2023.
- 2.4 Oleh itu, PAC telah membincangkan isu ini pada 10 Jun 2023 melalui Prosiding Parlimen Bilangan 1(a) 2023 dan pada 3 Oktober 2023 melalui Prosiding Parlimen Bilangan 5(a) 2023 bertujuan untuk mengkaji serta meneliti sama ada perkembangan kemajuan baharu dalam tempoh berkenaan bagi memastikan projek LCS dilaksanakan dengan cekap dan berkesan mengikut garis panduan serta prosedur perolehan yang ditetapkan kerajaan.

Pada masa sama, LCS perlu disiapkan dan diserahkan kepada TLDM mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan seperti dalam perjanjian antara kontraktor pembina dan MINDEF.



**TINDAKAN SUSULAN BAGI
SYOR-SYOR PAC BAGI
(DR.6/2023) DAN
(DR.13/2023)**

3. TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 6/2023)

3.1 Syor 1: MINDEF perlu memastikan pelaksanaan pelan mobilisasi mengikut syarat yang telah ditetapkan dengan kapal pertama LCS disiapkan pada Mei 2024 dan diserahkan kepada TLDM pada Ogos 2026.

Maklum Balas MINDEF/TLDM

MINDEF akan memastikan pelaksanaan pelan mobilisasi mengikut syarat yang telah ditetapkan kapal LCS disiapkan pada Mei 2024 sebelum ia menjalani ujian *Harbour Acceptance Test* dan *Sea Acceptance Trial* untuk tempoh 24 bulan.

Dalam prosiding Tindakan Susulan pada 24 Januari 2024, MINDEF/TLDM/BNS menjelaskan bahawa kapal LCS1 akan diluncurkan ke atas air pada Mei atau Jun 2024 walaupun *detailed design* tidak siap sepenuhnya termasuk untuk mendapatkan kelulusan daripada Naval Group sebelum Ogos 2024 seperti yang terkandung dalam SA 6.

Proses atau pendekatan ini dilaksanakan dengan mengambil kira status reka bentuk kapal iaitu penyiapan zon-zon yang kritikal di bahagian bawah kapal di mana kesemuanya hampir siap iaitu di antara 98% hingga 99%. Ini telah disahkan dan diluluskan oleh pihak Naval Group Perancis dan sememangnya bersedia untuk dilancarkan ke atas air. Baki bahagian-bahagian yang belum disiapkan dan diluluskan oleh pihak Naval Group Perancis adalah bahagian-bahagian atas kapal yang tidak melibatkan *watertight integrity*. Langkah ini diambil kerana ia merupakan satu penjimatan kepada kerajaan dan syarikat dari segi masa, sumber dan secara langsungnya ia akan menjimatkan kos.

Pendekatan ini juga telah mengambil kira elemen-elemen risiko dan telah divalidasi. Pihak Naval Group Perancis sebagai penasihat proses-proses kerja yang dilakukan turut memberi pengesahan. Ia juga merupakan proses yang mereka laksanakan di Perancis.

Ulasan PAC

PAC melahirkan kebimbangan berhubung aktiviti peluncuran Kapal LCS1 yang dijadualkan pada Mei atau Jun 2024 oleh pihak BNS sebelum *detailed design* dimuktamadkan sepenuhnya walaupun pihak Kontraktor memberi jaminan bahawa amalan berkenaan adalah satu kebiasaan dalam industri pembinaan kapal.

- 3.2 Syor 2: MINDEF perlu memastikan kontraktor pembinaan menyiapkan *detailed design* sepenuhnya termasuk mendapat kelulusan daripada Naval Group sebelum Ogos 2024 seperti yang terkandung dalam SA 6.**

Maklum Balas MINDEF/TLDM

Sepertimana kontrak tambahan ke-6, kontraktor pembinaan perlu menyiapkan *detailed design* sepenuhnya dalam 15 bulan. Jika pihak kontraktor tidak menyiapkan dalam tempoh tersebut, pihak Kementerian akan mengenakan denda kelewatan.

Dalam prosiding Tindakan Susulan pada 24 Januari 2024, MINDEF/TLDM/BNS memaklumkan bahawa walaupun *detailed design* belum disiapkan dan disahkan sepenuhnya kerja-kerja pembinaan kapal yang sedang dilaksanakan adalah sah. Pasukan projek juga sedang bekerjasama dengan pihak Berkuasa Melulus (*Approving Authority*) iaitu wakil daripada Naval Group Perancis di Lumut. Selain daripada itu sekiranya terdapat reka bentuk yang perlu diperbaiki maka *potential rework* telah dianggarkan di antara 15% hingga 20%.

Ulasan PAC

PAC telah melahirkan kebimbangan mengenai *potential rework* yang dianggarkan di antara 15% hingga 20% oleh TLDM/BNS kerana boleh mendedahkan projek kepada risiko kelewatan dan peningkatan kos.

3.3 Syor 3: Kerajaan hendaklah memastikan pengambilalihan BNS oleh Ocean Sunshine Bhd. mencapai matlamat asal pelaksanaannya.

Maklum Balas MINDEF/TLDM

Kementerian Pertahanan mengambil maklum supaya Kerajaan memastikan pengambilalihan BNS oleh Ocean Sunshine Bhd (OSB) mencapai matlamat asal pelaksanaan. Oleh yang demikian, perkara ini akan dimasukkan sebagai agenda di dalam *Project Monitoring Committee* yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan.

Dalam prosiding Tindakan Susulan pada 24 Januari 2024, MINDEF/TLDM/BNS memaklumkan BNS telah dikenali sebagai Lumut Naval Shipyard (LUNAS).

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum mengenai perkara tersebut. Melalui pengambilalihan BNS oleh OSB, PAC turut mengambil maklum mengenai penukaran nama BNS kepada Lumut Naval Shipyard (LUNAS).

3.4 Syor 4: MINDEF dan TLDM bertanggungjawab dalam memastikan keseluruhan projek pembinaan lima (5) buah LCS bernilai RM11.22 bilion disiapkan serta diserahkan kepada TLDM mengikut tempoh dan kos yang telah dipersetujui dalam SA 6.

Maklum Balas MINDEF/TLDM

MINDEF bersama TLDM akan memantau projek ini dari semua peringkat melalui Jawatankuasa atau Mesyuarat berikut:

- Mesyuarat Kemajuan Kerja di peringkat Pasukan Projek TLDM;
- Jawatankuasa Teknikal LCS di Kementerian Pertahanan secara berkala;
- Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara setiap 3 bulan; dan
- *Project Monitoring Committee* yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum mengenai perkara tersebut di atas.

- 3.5 Syor 5: Kementerian dan agensi kerajaan hendaklah memastikan supaya deraf kontrak yang dirunding dengan syarikat telah dirujuk dan disemak sebagai teratur serta dipersetujui oleh AGC terlebih dahulu sebelum ditandatangani.**

Maklum Balas MINDEF/TLDM

Untuk makluman bahawa, Kementerian telah melaksanakan beberapa siri perbincangan serta mesyuarat berkaitan draf kontrak tambahan ke- 6 (SA6) bersama pihak AGC sejak April 2023, iaitu rentetan daripada keputusan Jemaah Menteri pada 19 April 2023. Satu siri taklimat pada 27 April 2023 dan tiga (3) siri perbincangan telah diadakan di pejabat AGC.

Hasil daripada kesemua libat urus ini, Kementerian Pertahanan telah menerima ulasan AGC melalui surat bertarikh 24 Mei 2023 di mana AGC membangkitkan empat (4) perkara berkaitan iaitu *Progress Payment Plan*, *Integrated Logistic Support (ILS)*, *Detailed Design* dan *Liquidated Ascertained Damages (LAD)*.

Selaras dengan pandangan AGC Kementerian Pertahanan mengambil perhatian terhadap perkara ILS bahawa kontrak ini akan dilaksanakan secara berasingan termasuk definisi serta skop ILS dikekalkan di dalam kontrak dengan perjanjian berasingan.

Bagi *Progress Payment, Detailed Design* dan LAD, ia telah dibincangkan serta telah dipersetujui bersama dengan pihak TLDM dan Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd serta pindaan sewajarnya telah dibuat sebagaimana ulasan draf SA6 oleh AGC.

Justeru itu, SA6 ini telah ditandatangani pada 26 Mei 2023 setelah mengambil kira ulasan AGC dan juga pandangan laporan PAC terdahulu serta Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus Perolehan dan Kewangan Kerajaan.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum mengenai perkara tersebut di atas.

3.6 Syor 6: JAN perlu menjalankan pengauditan sebelum LCS 1 diserahkan kepada TLDM dan membentangkannya di Parlimen.

Maklum Balas MINDEF/TLDM

Untuk makluman, Jabatan Audit Negara telah memulakan pengauditan mulai Mac 2023 berhubung pengurusan Kapal TLDM supaya ia dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan untuk mencapai objektif yang ditetapkan sejak Mac 2023. Salah satu kontrak di bawah pengauditan pengurusan kapal adalah berkaitan perolehan LCS ini. Kementerian akan bekerjasama dengan Jabatan Audit Negara bagi memberikan maklumat berkaitan perolehan ini.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum mengenai perkara tersebut di atas. JAN perlu memaklumkan status pengauditan terkini secara rasmi kepada PAC.

4. TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR PAC PARLIMEN (DR. 13/2023)

- 4.1 Syor 1: PAC bersetuju supaya MINDEF masih perlu membentangkan laporan kemajuan projek LCS setiap tiga (3) bulan kepada PAC sehingga projek LCS disempurnakan. Namun PAC akan membentangkan laporan kemajuan projek LCS dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan.**

Maklum Balas MINDEF/TLDM

Kementerian ingin mengambil maklum dan akan membentangkan laporan kemajuan projek LCS setiap tiga (3) bulan kepada PAC sehingga projek LCS disempurnakan.

Dalam prosiding Tindakan Susulan pada 24 Januari 2024, MINDEF/TLDM/BNS memaklumkan perkara-perkara berikut:

- i. Kemajuan kerja bagi projek LCS yang dibentangkan kepada PAC pada 24 Januari 2024 adalah merupakan kemajuan kerja setakat 25 Disember 2023. Bagi tujuan pemantauan, kemajuan kerja bagi projek LCS akan dilaporkan pada setiap 25 hari bulan bagi setiap bulan.
- ii. Berdasarkan perancangan yang telah ditetapkan kemajuan kerja bagi projek LCS Disember 2023 adalah 68.77%. Walau bagaimanapun berdasarkan verifikasi yang telah dilaksanakan oleh pasukan projek, kerja-kerja di limbungan hanya mencapai 67.28%. Ini menunjukkan terdapatnya varian sebanyak 1.49% atau lewat sebanyak 86 hari.

- iii. Isu kelewatan aktiviti terutamanya berkaitan dengan aktiviti reka bentuk tidak menyentuh kepada aktiviti-aktiviti yang kritikal atau vital. Penambahan sumber akan dibuat bagi memastikan kerja-kerja dapat dilaksanakan dengan lebih cepat.

Dalam prosiding Tindakan Susulan pada 24 Januari 2024, MINDEF/TLDM/BNS menjelaskan perkara-perkara berikut:

- i. Kemajuan kerja bagi projek LCS yang dibentangkan kepada PAC pada 24 Januari 2024 adalah merupakan kemajuan kerja setakat 25 Disember 2023. Bagi tujuan pemantauan, kemajuan kerja bagi projek LCS akan dilaporkan pada setiap 25 hari bulan bagi setiap bulan.
- ii. Berdasarkan perancangan yang telah ditetapkan kemajuan kerja bagi projek LCS pada Disember 2023 adalah 68.77% secara keseluruhan. Walau bagaimanapun berdasarkan verifikasi yang telah dilaksanakan oleh pasukan projek, kerja-kerja di limbungan hanya mencapai 67.28%. Ini menunjukkan terdapatnya varian sebanyak 1.49% atau kelewatan sebanyak 86 hari.
- iii. Isu kelewatan aktiviti terutamanya berkaitan dengan aktiviti reka bentuk tidak menyentuh kepada aktiviti-aktiviti yang kritikal atau vital. Pertambahan sumber manusia akan dibuat bagi memastikan kerja-kerja dapat dilaksanakan dengan lebih cepat.

Ulasan PAC

Kelewatan pembinaan LCS selama 86 hari perlu dipandang serius MINDEF/TLDM/BNS dan PAC mahu tindakan segera diambil bagi memastikan pelaksanaan projek mengikut Jadual Garis Masa Baharu Projek LCS yang ditetapkan. Ia termasuk mematuhi piawaian antarabangsa seperti mendapatkan kelulusan penuh *detailed design* daripada pihak Naval Group Perancis.

4.2 Syor 2: MINDEF perlu membentangkan laporan kemajuan kepada PAC mengikut piawaian pengurusan projek antarabangsa termasuk dan tidak terhad kepada fizikal dan kewangan.

Maklum Balas MINDEF/TLDM

Kementerian akan membentangkan laporan kemajuan kepada PAC lebih terperinci berhubung projek pembinaan kapal LCS. Namun perkara ini akan bersandarkan kepada kontrak tambahan ke-6 (SA6).

Dalam prosiding Tindakan Susulan pada 24 Januari 2024, MINDEF/TLDM/BNS menjelaskan bahawa pembentangan pelaporan kepada PAC pada 24 Januari 2024 adalah berdasarkan kepada standard antarabangsa. Format pelaporan ini akan digunakan dalam melaporkan kemajuan projek yang seterusnya. Pelaporan tersebut merangkumi perkara-perkara berikut:

- i. Garis Masa Baharu Projek LCS;
- ii. *Simplified Implementation Schedule (Indicating Checkpoint)*;
- iii. Peringkat Pemantauan Projek LCS;
- iv. Status Kemajuan Kerja berdasarkan Sistem PMS;
- v. Garis Masa Semasa/Terkini (*Current Timeline*);
- vi. Graf Peratusan Rancang Vs Sebenar;
- vii. Status Pembayaran;
- viii. *Progress Payment Plan (Schedule 5B)*;
- ix. *Analysis of Extreme Project Risk*; dan
- x. *BV Punch List & Non-Conformity Report*.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum mengenai perkara di atas dan mahu semua perkara yang dinyatakan itu dilaksanakan mengikut apa yang telah dijadualkan dan ditetapkan.

- 4.3 Syor 3: MINDEF perlu memastikan kontraktor pembinaan menyiapkan *detailed design* sepenuhnya termasuk mendapat kelulusan daripada Naval Group sebelum Ogos 2024 seperti yang terkandung dalam SA 6.**

Maklum Balas MINDEF/TLDM

Kementerian masih mengekalkan maklum balas sebelum ini iaitu kontraktor pembinaan perlu menyiapkan *detailed design* sepenuhnya dalam 15 bulan iaitu sebelum 26 Ogos 2024. Jika pihak kontraktor tidak menyiapkan dalam tempoh tersebut, pihak Kementerian akan mengenakan denda kelewatan.

Dalam prosiding Tindakan Susulan pada 24 Januari 2024, MINDEF/TLDM/BNS memaklumkan status terkini bagi *detailed design* adalah 94.75% siap oleh pihak limbungan di Lumut. Manakala *detailed design* yang telah disahkan oleh pihak Naval Group di Perancis pada tahap 85%.

Ulasan PAC

PAC berpandangan isu kelewatan *detailed design* terus menjadi masalah utama dalam pembinaan kapal LCS dan ia seharusnya diatasi dengan segera oleh pihak TLDM/BNS. Pasukan projek LCS perlu memberi perhatian khusus kepada perkara ini.

- 4.4 Syor 4: Pembayaran yang perlu dibuat kepada OEM dan pihak yang sepatutnya hendaklah bertepatan dengan yang digariskan dalam SA 6 agar kelewatan pembinaan dapat dielakkan.**

Maklum Balas MINDEF/TLDM

Syarikat BNS akan melaporkan kepada Kementerian Pertahanan status pembayaran kepada OEM dan Vendor berkaitan projek pembinaan LCS ini. Selain itu, Kementerian juga telah membuat penambahbaikan kontrak iaitu Kementerian

boleh melaksanakan pembayaran secara terus kepada OEM dan Vendor yang terlibat bagi mengelakkan kelewatan pembinaan disebabkan isu bayaran.

Dalam prosiding Tindakan Susulan pada 24 Januari 2024, MINDEF/TLDM/BNS menjelaskan bahawa isu-isu berkaitan pembayaran telah diselesaikan kecuali dua (2) syarikat sahaja iaitu syarikat Contraves (CAD) dan Naval Group Perancis.

Pada bulan November 2023, satu *settlement agreement* telah dimeterai antara BNS dengan CAD bagi persetujuan untuk ditamatkan penglibatan dalam projek LCS di mana BNS akan berurusan terus dengan pihak OEM. Jumlah bayaran tertunggak kepada CAD yang telah diselesaikan adalah RM190 juta iaitu nilai kerja-kerja yang telah dilaksanakan sebelum ini.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum mengenai perkara tersebut dan mahu pihak MINDEF serta MOF sentiasa memantau pembayaran kepada OEM secara teratur bagi mengelakkan kerja pembinaan LCS tertunggak.

Selain itu, PAC mengambil maklum bahawa SPRM kini masih menjalankan siasatan terhadap CAD dan Contraves Electrodynamics Sdn. Bhd. (CED).

- 4.5 Syor 5: MINDEF dan TLDM perlu memastikan sebarang penggunaan dana digunakan secara berhemah dengan mengutamakan keperluan untuk menyiapkan LCS serta tidak membazir. MOF perlu memainkan peranan lebih proaktif dalam memastikan tiada pembaziran wang rakyat dalam projek pembinaan LCS.**

Maklum Balas MINDEF/TLDM

Kementerian bersama TLDM akan memastikan penggunaan peruntukan sepertimana yang termaktub dalam perjanjian di antara Kerajaan dan syarikat BNS. Selain itu, Kementerian juga akan memastikan pembayaran kepada syarikat adalah berdasarkan kontrak tambahan ke-6 (SA 6).

Dalam prosiding Tindakan Susulan pada 24 Januari 2024, MINDEF/TLDM/BNS mengesahkan bahawa tiada sebarang *variation order* (VO) dikeluarkan ataupun pertambahan kepada kos projek sehingga kini. Semua perbelanjaan masih lagi berdasarkan kepada peruntukan yang telah diluluskan dalam SA 6.

Ulasan PAC

PAC berpandangan sekiranya berlaku pertambahan kos pembinaan ia perlu dimaklumkan kepada Jawatankuasa ini dengan justifikasi yang munasabah memandangkan projek ini kini di bawah seliaan kewangan terus daripada MOF.

5. PENUTUP

PAC mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil Kementerian Pertahanan ke atas syor-syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC Parlimen DR. 6/2023 dan DR. 13/2023.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN



**LAPORAN PROSIDING
(HANSARD)**

**TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PADA
RABU, 24 JANUARI 2024**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 24 Januari 2024

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Prosiding Laporan Tindakan Susulan:
Kemajuan Projek Pembinaan Kapal Peronda Generasi Kedua –
LCS bagi Tentera Laut Diraja Malaysia
di Bawah Kementerian Pertahanan Malaysia
terhadap Syor-Syor Laporan PAC Parlimen
(DR.6/2023) dan (DR.13/2023)**

- (i) Kementerian Pertahanan Malaysia**
YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak
Ketua Setiausaha
- (ii) Boustead Naval Shipyard (BNS)**
YBr. Kapten Ir. Azhar Jumaat
Ketua Pegawai Eksekutif

PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

RABU, 24 JANUARI 2024

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]

HADIR BERSAMA

Kementerian Kewangan

YBhg. Dato' Dr. Amiruddin bin Muhamed [Setiausaha Bahagian]
Encik Azizie bin Taib [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan, Strategi dan Korporat)]
Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan, Strategik dan Korporat)]
Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan, Strategik dan Korporat)]

Kementerian Ekonomi

Encik Khairil Wari bin Abd Rani [Timbalan Pengarah (Keselamatan dan Ketenteraman Awam)]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Timbalan Pengarah (BPOPA)]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Puan Sofiah binti Ab Hamid [Penolong Pengarah (Bahagian)]

Jabatan Peguam Negara

Maslinda binti Mohd Ainal [Ketua Unit Penswastaan dan Pengurusan Kontrak (Bahagian Penasihat)]

Normie Baizura binti Amiruddin [Peguam Kanan Persekutuan (Penasihat)]

Mohd Isa bin Md Nor [Peguam Kanan Persekutuan (Bahagian Penasihat)]

Cik Munirah binti Muhamed Padzil [Peguam Kanan Persekutuan (Bahagian Penasihat)]

Jabatan Audit Negara Malaysia

Encik Mohamad Hisham bin Abdul Hamid [Juruaudit (SAK Bahagian 4)]

Encik Muhammad Aizat Nazmi bin Dato' Jamaluddin [Penolong Pegarah (Bahagian 4, Sektor Audit Kewangan)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Awang Samsul Baharam bin Bungso [Penolong Kanan Pesuruhjaya (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

SAKSI**Kementerian Pertahanan Malaysia**

YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak [Ketua Setiausaha]

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Ketua Pasukan]

Puan Kogila Devi a/p Radakrishnan [Ketua Penolong Setiausaha]

Puan Hazlin binti Selamat [Timbalan Setiausaha Bahagian (B)]

Encik Mohammad Abiddin bin Abd Rahman [Setiausaha Bahagian]

Encik Syahizwan bin Osman [Penolong Setiausaha]

Boustead Naval Shipyard (BNS)

YBrs. Kapten Ir. Azhar Jumaat [Ketua Pegawai Eksekutif]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEDUA

BILIK JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR

RABU, 24 JANUARI 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.05 pagi

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
mempengerusikan Mesyuarat]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan juga selamat pagi. Naib Pengerusi PAC - YB Wong Shu Qi; Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen ke-15 serta ahli-ahli *ex-officio* daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir pada Mesyuarat pada pagi ini.

Yang Berhormat Ahli Mesyuarat sekalian, hari ini adalah merupakan kali pertama PAC Parlimen ke-15 mengadakan prosiding tindakan susulan. Prosiding tindakan susulan pada pagi ini adalah untuk mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Pertahanan terhadap syor-syor PAC dalam laporan berhubung Kemajuan Projek Pembinaan Kapal Peronda Generasi Kedua (LCS) bagi Tentera Laut Diraja Malaysia di bawah Kementerian Pertahanan bagi tempoh Oktober 2022 hingga Mei 2023 DR6/2023 dan bagi tempoh Jun hingga September 2023 DR13/2023.

Laporan PAC DR6/2023 telah pun dibentangkan di Parlimen pada 9 Oktober 2023, manakala Laporan PAC DR13/2023 pula telah pun dibentangkan pada 14 November 2023 di Parlimen. Seperti semua sedia maklum, PAC mengadakan prosiding untuk isu ini berdasarkan punca kuasa Peraturan Mesyuarat PM77 (1)(d) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Peraturan Mesyuarat 83(2) dan seksyen 3, Perkara 11(b) Pekeliling Am Nombor 2 1982.

Jadi, hadir di hadapan PAC pada hari ini ialah Yang Berbahagia Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha MINDEF; Yang Berusaha Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph, Ketua Pasukan Projek LCS—lain macam bila pakai kot *[Ahli ketawa]* dan Yang Berusaha Kapten Ir. Azhar Jumaat, Ketua Pegawai Eksekutif Boustead Naval Shipyard. Jadi, tanpa saya membuang masa, saya

menyerahkan kepada Yang Berhormat Datuk Seri Isham bin Ishak, KSU Mindef untuk memulakan pembentangan. Terima kasih.

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi, salam sejahtera Yang Berhormat Datuk Mas Ermieyati, Pengerusi PAC; Naib Pengerusi, Yang Berhormat YB Wong dan juga Yang Berhormat-Berhormat Ahli PAC dan juga pegawai-pegawai kanan. Selamat pagi, salam sejahtera dan terima kasih sekali lagi kerana MINDEF diberikan peluang untuk memberi penjelasan berhubung dengan syor-syor yang telah dikemukakan oleh PAC baru-baru ini dan kami juga pada pagi ini ada menyediakan laporan berhubung dengan status pembinaan kapal LCS lah untuk makluman Ahli-ahli PAC.

Kementerian mengambil maklum bahawa projek pembangunan kapal peronda ini iaitu generasi kedua ataupun LCS ini oleh TLDM di bawah MINDEF merupakan satu isu lah yang dilaporkan dalam PAC.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Datuk KSU.

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya nak tanya lah.

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Logo baharu ya? Macam MITI saja?

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Macam ni, YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Ketawa]*

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Saya diberi amanat oleh PM, dihantar ke MINDEF untuk memperbaiki imej lah selepas LCS, selepas kapal ini. So, kita bentangkan logo ini adalah untuk kita nak tunjuk profesionalisme kita, *governance*, integriti dan juga kecekapan MINDEF selepas ini sebab memang kerja saya ini masuk— orang kata cuci jambanlah. *[Ketawa]* Jadi, saya memang *last four months* ini Datuk, memang kerja saya memperbetulkan lah SOP-SOP, peraturan supaya— susah sikit lah dan saya terima kasih YB, *last meeting* YB beri peluang. Untuk mana-mana penjawat kerajaan, kalau ada isu, boleh terus kepada YB lah. So, itu sangat memberanikan kita lah. Terima kasih YB.

Untuk makluman, kita mengambil maklum isu-isu yang telah dilaporkan dalam prosiding PAC Parlimen iaitu pada 15— yang ke-15 pada 10 Jun dan juga 3 Oktober. Dan pada hari ini kita akan membuat laporan mengenai status dahulu— status pembangunan LCS ini supaya kita tahu bahawa sejak pelaporan yang saya

laksanakan baru-baru ini dan kita ada sedikit kemajuan. *Insyah-Allah*, kemajuan akan bertambah banyak sebab selepas prosiding yang terakhir yang saya membentangkan pelaporan LCS, beberapa perkara yang telah diperbetulkan dan diperjelaskan dan telah diselesaikan dan kita nampak projek ini ada *pick up* sikit. Kita nampak dan *insyah-Allah* seperti mana yang kita janjikan, kapal-kapal itu akan berada di air pada bulan Mei, Jun ini. Memang ada kelewatan sikit, kita akan membuat pelaporan. Kelewatan ini adalah sebab pembersihan yang kita terpaksa buat baru-baru ini untuk memastikan ianya dapat berjalan dengan lancar tanpa apa-apa kelewatan.

■1010

Seterusnya, Yang Berhormat, kementerian akan membentangkan status, seperti mana yang saya maklum, iaitu yang berakhir pada 25 Disember 2023. Saya mohon Ketua Pengarah Pasukan Projek untuk membentangkan dulu status semasa Projek LCS untuk makluman bersama. Dan ingin saya maklumkanlah bahawa projek ini memang kita dalam pemantauan yang sangat rapi supaya kita dapat memastikan ia dapat dilaksanakan.

Saya jemput Laksamana Franklin untuk membuat pembentangan status terlebih dahulu. Dipersilakan.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Selamat pagi, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya teruskan dengan pembentangan status semasa Projek LCS bersandarkan kepada kontrak tambahan yang keenam. Ini merupakan *snapshot* ataupun ringkasan inti pati... [Merujuk pada paparan di skrin] Yang kita rasa *good as a refresh* untuk semua yang hadir tahu *what are the contents of the contract*, tarikh pemeteraian kontrak. *I will not go into the details*. Saya mohon Ahli-ahli YB baca.

Perubahan skop yang ketara adalah pengurangan bilangan kapal. *The rest of it is as indicated*. Nilai kontrak baru telah pun ditambah tambahan RM2.1 bilion menjadikan RM11.2 bilion. Konteks pembayaran. Kerajaan dibenarkan membuat pembayaran terus kepada OEM, jika perlu. Pembayaran ini juga disandarkan kepada sebanyak 36 *checkpoints* yang akan dilalui sepanjang pembinaan lima buah kapal ini. *The earliest checkpoint that is due is in March. Two months away from now*.

And of course, pemantauan projek ini diteruskan oleh beberapa siri jawatankuasa. *At the smallest level or at the lowest level*, dipengerusikan oleh saya sendiri di Lumut dan seterusnya di MINDEF. *All right*.

Next. This is something that— ini antara syor yang telah dibangkitkan dalam Laporan PAC... [Merujuk pada slaid pembentangan] iaitu untuk olah pelaporan ini lebih kepada standard antarabangsa. *So, we have sat down with the Shipyard and this is the template that we are going to use in reporting future progress as well.* [Merujuk pada slaid pembentangan] Kita ada enam kotak yang kita nampak. *So, the overall health* ini menggambarkan status keseluruhan projek buat masa sekarang. Seperti yang tertera, projek ini buat masa sekarang ini dah *1.5 percent behind schedule. So, we are running already behind schedule. Overall progress—calculated progress is 67.28* yang dah siap *whereas* pembayaran yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan kepada Limbungan adalah sebanyak 62.4 peratuslah. *So, ini juga salah satu check* yang kita laksanakan di mana pembayaran *at any times* tidak menyamai atau tidak melebihi *progress* semasa projek.

Work progress— the middle top punya kotak. [Merujuk pada slaid pembentangan] *As you can see in projected versus actual,* ada aktiviti yang ke belakanglah. *If we want to walk into details, I am more than happy to indulge everyone with the details-lah.* Kalau tidak, itu sahajalah. *Ataupun nak masuk? Boleh? Work progress.*

Okay, this is something— ini adalah *snapshot* daripada sistem *online* yang kita pantau bersama dengan Limbungan ya. [Merujuk pada slaid pembentangan] Di mana kita ada *overall progress* yang dilaporkan dan keempat-empat elemen tersebut yang saya telah ringkaskan di slaid utama tadi, termasuk juga *progress* setiap kapal itu sendirilah. *So, as we can see on LCS 1, we are already behind by about three percent.*

Okay, in terms of task, iaitu *activities* yang tergendala ataupun masih belum dapat diselesaikan, kita ada hampir sebanyak 430 aktiviti. *These are detailed technical activities* yang tertangguhlah yang pihak Limbungan perlu kejar.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Pengerusi. Jadi, saya ingin tahu yang untuk khas ini, aktiviti, boleh bagi contoh tak apa aktiviti yang katanya yang terperinci? Kerana nampaknya... [Disampuk] Ya, antara yang perlu siap dan *outstanding* itu *gap* besar. Boleh jelaskan?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Dalam aktiviti ini, *if we want the actual trace,* dia akan balik kepada konteks *Gantt chart.* *Gantt chart* ini dia berbentuk graf macam itu. *On every element of work.* Contoh, dalam *design* yang tak siap, ada lagi beberapa *design drawing* yang masih belum diselesaikan lagi. *Should have been completed by January,* tetapi belum selesai. *So, dia dah masuk level outstanding-lah.* Benda ini sekiranya tidak diselesaikan akan jadi *compounding effect-lah.* *I don't have a specific*

slide on task-task tersebut by name, but I'll be more than happy to share kepada Committee.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Boleh saya tahu yang masalah *design* itu, ia belum dapat kelulusan *design authority* ataupun kita sendiri pun belum siap *design* lagi?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Yang dalam konteks *design* yang 216 ini, ini lebih kepada aktiviti *design* yang dilakukan oleh Limbungan sendiri. Ini bukannya aktiviti pengesahan *design authority*. So, the 216 ini adalah *activities* dalam jadual yang telah pun tersenarai tetapi Limbungan belum berjaya siapkan lagi. So, ini contoh... [Merujuk pada slaid pembentangan] Kita nak pasang lampu. So, sarung untuk lampu itu ada *design* dia. So, *design* untuk sarung lampu itu belum disiapkan. Contoh ya. So, these are the kind of *activities* yang kita track on the ground-lah.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Just nak be very clear. Jadi, laporan as at— the cut-off date for this laporan ini bila?

Datuk Seri Isham Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: 25th December, YB.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Twenty?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan Malaysia]: 25th December. The reporting is every 25th of the month.

Saya teruskan, YB. Okey. So, when we come to progress, the bottom left hand punya box... [Merujuk pada slaid pembentangan] We can see that the targeted ataupun projected progress sepatutnya berakhir Disember adalah 68.77. Tetapi, berdasarkan verifikasi yang dilaksanakan oleh pasukan projek, Limbungan hanya mencapai 67.28 peratus which is variant ataupun gap ke belakang sebanyak 1.49. And this translates to, in terms of work, in terms of days, it translates to about 86 days in terms of delay. So, there is a steep curve yang Limbungan kena buat untuk close the gap-lah.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Pengerusi...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: 86 itu amount to three months ya.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Roughly. Yes.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Boleh tak kalau kita minta detil apa jenis construction yang delay ini? What type of— exactly what type? Is it the job on site or design or whatever-lah yang that causes the delays so much? The details-lah. The details of the work that create the delay.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan Malaysia]: *We have this, YB, and we are monitoring this. Dalam construction, semuanya menjurus kepada aktiviti on site di kapal. So, apabila certain design elements tidak dapat diselesaikan in time oleh Limbungan, so, aktiviti yang selari dengan dia iaitu pembinaan on site turut tergendala. So, it is a back-to-back kind of action.*

So, kalau kita lihat, design ada tertangguh sebanyak 216 aktiviti. In parallel, construction pun about 220 yang tertangguh. So, these are all in parallel-lah. You have to finish one in order to complete the other.

■1020

So, I mean but kita ini agak cerewet jugalah on the ground. So, kalau even benda sikit-sikit kita kata no, you have to comply to whatever the specification requires-lah.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Pengerusi, jadi boleh saya minta Ir. Azhar memberi sedikit pencerahan kenapa ada kelewatan ini?

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard (BNS)]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera kepada Yang Berhormat Pengerusi PAC, Yang Berhormat Timbalan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Berhubung isu kelewatan aktiviti, pertamanya berkaitan dengan reka bentuk ini, kebanyakan aktiviti ini tidak menyentuh kepada aktiviti-aktiviti yang kritikal atau *vital* di mana aktiviti yang melibatkan reka bentuk yang *vital* semuanya telah diselesaikan dan diluluskan oleh *design authority*.

Contoh-contoh aktiviti *design* yang masih lagi tidak boleh ditutup dan diselesaikan ini melibatkan beberapa aktiviti, sebagai contoh Yang Berbahagia Laksamana maklum tadi tentang contohnya kedudukan lampu untuk menerima pendaratan helikopter di mana masih lagi sedang dibincangkan dengan pengguna dan juga operator helikopter di Markas Udara TLDM. Ia dijangka tidak akan beri impak yang besar atau *affecting the critical path of the project which* kita *now* mengambil sedikit masa untuk memberikan isu-isu itu diperhalusi dengan lebih mendalam. Sebagai contoh yang lain juga ialah seperti kedudukan peralatan yang tidak *vital* di bilik-bilik, di kamar dan juga keluasan untuk melaksanakan senggaraan selanjutnya.

Jadi, aktiviti-aktiviti reka bentuk yang masih lagi terbengkalai tidak tutup ini tidak menyentuh kepada *critical path* dan juga *critical design in terms of performance of the whole ship*. Jadi, kita jangkakan ia boleh dimitigasikan dalam masa mendatang dan boleh diselesaikanlah untuk kita *climb up* balik atau *close the gap*. Sebagai

contoh, kalau kita tengok kepada elemen kedua daripada segi peralatan contohnya, ada beberapa peralatan yang kita perlu terima buat *Factory Acceptance Test* dan juga putuskan pemilihan peralatan tersebut dan juga melibatkan peralatan yang kecil dan tidak kritikal, yang kita jangkakan ia boleh diputuskan dalam masa yang mendatang. Walaupun dijadualkan dalam kita punya *project planning*. Kalau ia tergendala sedikit tetapi tidak mempunyai impak yang besar kepada *critical path*. So, kita jangkakan itu satu yang kita tidak— buat masa ini *flag, as a—* kata *red flag*-lah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard (BNS)]: Yang kita maksudkan 86 hari *delay* ini adalah secara keseluruhan projek bukan— maksudnya 86 hari ini kita melihat bila *factual* satu kapal itu akan *delay* 86 hari. Yalah jumlah aktiviti-aktiviti yang patut dilakukan tergendala sebanyak 86 hari. Jadi, kita masih lagi mempunyai masa untuk *to close the gap*, buat masa ini dan mitigasikan kelewatan ataupun varian tersebutlah.

Sukacita juga saya syorkan di sini untuk melihat beberapa kita panggil *check point*. *checkpoint* ini sebagai satu *milestone* yang menjadi satu batu aras yang kita perlu tengok di mana yang *immediate one* lebih kurang 25 Mac ini, bulan Mac ini untuk pihak pasukan projek TLDM memastikan kapal ini memenuhi *checkpoint* tersebut untuk memberikan kita lebih kesan dan juga *confidence* sama ada projek ini berada di dalam landasan yang betul atau tidak.

So, *that checkpoint* pertama itu dipanggil *completion of erection block (EB)*. Satu penanda aras yang terdekatlah untuk memberi gambaran yang lebih jelas dari segi *barometer for the project* ini, sihat atau tidak sihatlah. Ini kerana slaid ini kalau kita tengok secara *detail* ia memberi gambaran— ia ada aktiviti-aktiviti yang masih lagi tergendala, terbengkalai tetapi tidak mempunyai impak yang besar kepada *critical path*. Itu saja ulasan daripada pihak syarikat, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Saya ada soalan. Terima kasih Datuk Wira Pengerusi, Datuk Seri KSU dan *team* dari LCS. *Performance* itu tadi ialah menggambarkan keseluruhan, kan? *Of course*, saya rasa yang sekarang ini yang *everybody gets very nervous is the first ship*-lah, *is targeted to be on water certain day*, apa semua kan.

So, kalau kita nak *zoom* kepada *ship number one* itu, *do you have?* Ada tak *performance* juga untuk *ship number one*? Kalau *ship number one* ini dia *slack or delay or any issues with ship number one*, then kita punya *confidence level* itu makin lama makin menurunlah. So, *I think that is one key* yang mungkin kita perlu dapatkan status.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Yang Berhormat, jika kita lihat di sini, *if you look at—* saya *relate* kapal pertama ini dengan *the first checkpoint* seperti mana Kapten Azhar cakap. Kapten Azhar ada sebut *the first checkpoint will be due end of March which is literally two months from now* lah, kan?

Untuk *a good litmus test for that*, apabila— untuk mencapai *target* tersebut berbanding dengan LCS 1, LCS 1 buat masa sekarang ini is *72.25 percent but the percentage that ship needs to achieve* untuk mencapai *the first checkpoint is actually 73 percent only, okay. So, if we are talking about monitoring the project*, tentukan projek ini ikut *sequence* pembinaan yang betul, *timing*, ikut jadual yang telah dipersetujui. So, kita tidak jauh lari seperti mana Kapten Azhar sebut *but when you look at it in totality* seperti *slide* pertama tadi itu, ada banyaklah yang kita nampak “*Oh, ini ketinggalan, ini tidak siap, ini tertinggal.*”

But when you come to kapal pertama, kita sudah pun capai *72.25 peratus* berbanding yang perlu dia perlu capai *in two months time which is 73 percent. So, tidak jauh adrift-lah* kita panggil. *They can catch up and we are pushing them to catch up.*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *On the overall ini, are you doing... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Disampuk]* Untuk yang *gap 86 days* ini, adakah pihak *project team* melakukan sesuatu untuk *catch up, I mean is it still* dalam waktu kerja normal biasa ataupun *you* akan buat *extended hours* atau apa, *just to catch up* ataupun— *but come 25th of March*, adakah ia akan balik semula atau ia akan *remain* ataupun makin bertambah?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan Malaysia]: *In terms of catch up* punya *progress* saya mohon Kapten Azhar untuk jawablah daripada perspektif syarikat sama ada syarikat bercadang nak *invest more resources in terms of man and hours-lah.*

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard (BNS)]: Ya, pastinya kita akan tambahlah sumber untuk memastikan kerja itu boleh dilaksanakan dengan lebih cepat. Di samping itu, penggunaan sumber ini juga bergantung kepada beberapa perkara yang perlu saya tangani dahulu *because* projek ini, pembuatan kerjanya ada beberapa proses kerja secara *sequence-lah*, yang saya perlu penuhi.

Kita tidak boleh *just* nak tambah orang tapi katakan satu kerja untuk membuat *quality assurance* itu kita nak kena ikut. Sebagai satu contoh yang melibatkan kelewatan sedikit kepada kapal nombor satu ini ialah kita mendapat sedikit kesukaran luar jangka untuk mendapatkan permit bekerja, kemasukan dipanggil *supervisor* daripada Korea untuk buat kerja di kapallah.

■1030

Kita jangkakan perkara itu secara biasa, boleh masuk sahaja seperti yang lepas-lepas. Tetapi kita mempunyai sedikit kelewatan syarikat tersebut untuk masuk, untuk permit bekerja dan juga – daripada luar. Jadi, perkara itu telah ditangani dan *supervisor* telah berada di limbungan. Sekarang sudah masuk. Cuma, ada sedikit kelewatan dalam sebulan setengahlah. Tetapi dengan kemasukan *supervisor* dan juga *controller* daripada Korea itu, kerja-kerja itu boleh dilaksanakan, dimulakanlah dengan pekerja-pekerja tempatan. Jadi, bila *supervisor*, *controller* untuk *quality assurance* daripada Korea untuk pakej mereka itu telah masuk dan saya boleh mulakan kerja dari segi *double shift*, *triple shift* dan kita jangkakan perkara tersebut boleh dikejar balik.

Cuma, kita tidak boleh melaksanakan penambahan sumber itu lebih awal kerana kami terpaksa menunggu *supervisor* dan juga *quality controller* masuk terlebih dahulu. Itu sebagai satu contoh. Contoh yang melibatkan berapa *sequence* kerja yang perlu kita patuhi. Tetapi, dari segi perbincangan dan juga *engagement* di peringkat lapangan dengan pihak pasukan projek TLDM, perkara ini kita jangkakan boleh ditangani sehingga *checkpoint* kita yang pertama pada hujung bulan Mac ini untuk kita *be back on track*. So, ia sedang berlangsung dan sedang dimitigasikan di peringkat operasi. Itu sahaja Yang Berhormat. Terima kasih.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi. Pertamanya saya nak rujuk slaid nombor tiga. Slaid nombor tiga MINDEF. Nombor dua. Syor dua, PAC. Slaid ketiga. MINDEF perlu memastikan kontraktor pembinaan menyiapkan *detailed design* sepenuhnya termasuk mendapatkan kelulusan daripada Naval Group sebelum Ogos 2024. Mobilisasi kapal pertama siap, sepatutnya siap pada Mei 2024. So, apa makna *detailed design* yang *August 2024* yang mobilisasi *May 2024*? Adakah ia *detailed design the whole* lima *ships* ataupun bagaimana? Ini sebelum—daripada Naval Group kan? Kelulusan itu. *What exactly – where are you now?*

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard (BNS)]: Mengikut ketetapan kontrak tambahan keenam atau SA6, *detailed design* ini perlu disiapkan pada Ogos tahun inilah. Bulan lapan 2024. Dalam masa yang sama juga, kapal ini akan dilancarkan ke atas air pada bulan – hujung bulan Mei.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sebelum *detailed design*.

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard (BNS)]: Sebelum *detailed design* siap. Okey, saya boleh jelaskan *approach* ini kenapa ia nampak lebih *odd* atau pelik dari segi mata kasar atau orang awam. Tetapi, kita kena perlu lihat.

Boleh kita pergi kepada slaid menunjukkan status reka bentuk kapal yang menunjukkan gambar rajah kapal warna hijau itu? Ada slaid.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyashekar Joseph [Kementerian Pertahanan]: YB, kita ada satu slaid *on detailed design* sahaja.

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard (BNS)]: Kalau Yang Berhormat lihat – kita pergi slaid sembilan boleh tak? Okey, slaid sembilan ini. *Sorry*, slaid lapan. Kalau Yang Berhormat tengok kepada status *design* kapal ini di mana lebih kurang 94 peratus telah disiapkan oleh pihak limbungan di Lumut. Tetapi, proses untuk ia disahkan oleh pihak Naval Group di Perancis mengambil masa sedikit, di mana mereka hanya mulakan kerja pada bulan Oktober tahun lepas. Kalau kita tengok pada bulan Mac tahun lepas, 83 peratus dia telah validasi atau sahkan. Tetapi, peningkatan sehingga November 2023 hanyalah lebih kurang dua peratus, lebih kurangnya.

Tetapi, sebenarnya mereka hanya memulakan kerja pada Oktober, bulan 10. Sebulan sebelum November 2023-lah. Itu satu lagi proses. Tetapi, balik kepada soalan pokok Yang Berhormat bangkitkan tadi. Kenapa kita siapkan reka bentuk ini bulan Ogos tahun ini tetapi kita nak lancarkan kapal ini ke atas air bulan Mei. Kenapa tak tunggu reka bentuk ini disiapkan sepenuhnya sebelum ia dilancarkan atas air? Proses ataupun *approach* ini diambil untuk kita tidak membuang masa dan juga membuang sumber untuk menunggu reka bentuk yang tidak mempunyai impak kepada proses untuk kapal dilancarkan atas air. Kalau kita nak *adopt* atau mengambil kira *approach* tersebut di mana kalau kita tengok dari segi status reka bentuk kapal ini, penyiapannya, zon-zon ataupun *area* yang kritikal untuk di bahagian bawah kapal itu semuanya sudah *almost 100 per cent* ataupun *clear about 99, 98 per cent* siap. Ia telah disahkan diluluskan oleh pihak Naval Group dan ia memang *ready, already constructed* dan boleh dilancarkan ke atas air.

Jadi, kami tidak mahu membazir tiga bulan lagi menunggu untuk *detailed design* untuk bahagian-bahagian atas kapal yang tidak berkenaan melibatkan kita panggil *watertight integrity*, menunggu ia siap dan diluluskan oleh pihak Naval Group Perancis baru kita lancarkan kapal itu atas air. Jadi, kita mengambil pendekatan makna ia boleh dilancarkan di atas air untuk – sambil menunggu baki reka bentuk itu disiapkan hanya melibatkan struktur-struktur atas air yang tidak berapa kritikal buat masa inilah. Langkah itu diambil bagi membuat satu penjimatan dari segi masa dan juga sumber dan secara langsungnya ia akan menjimatkan koslah kepada kita semua, kerajaan dan juga syarikat. Jadi, *approach* ini *a bit odd if you do not know the details of the shipbuilding punya sequence and processes*.

Tetapi, itulah pertimbangan dan juga keadaan ataupun elemen-elemen yang telah kita ambil kira dan bincang di samping juga mendapat input dan persetujuan dari pihak pengguna di mana Laksamana Franklin dan pasukan mereka juga bekerjasama secara erat untuk memastikan proses ini boleh dioptimumkan supaya kita dapat membuat penjimatan masa, penjimatan kos dan sumber.

Di samping itu, kita buat satu pendekatan itu mengambil kira risikolah. So, risiko ini juga telah divalidasi dan juga pihak Naval Group daripada Perancis sebagai penasihat proses-proses kerja yang dilakukan ini juga memberi pengesahan. Ia memang juga satu proses yang mereka juga praktikkan di Perancis. Jadi, memang kalau kita tengok dari segi mata kasar nampak lebih janggal atau *odd* tetapi seperti yang saya terangkan ini ada proses-proses pertimbangan validasi yang telah kita laksanakan melibatkan semua pemegang taruh kitalah. Itu sahaja, Yang Berhormat.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Kapten Azhar, mungkin apa saya nak lebih faham *because* kapal ini pernah diluncurkan ke air kan? Pernah diluncurkan.

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard (BNS)]: Okey Yang Berhormat, yang dilancarkan pada tahun 2017 itu hanya untuk— kita panggil *launching*. Tetapi, yang untuk kita luncurkan, lancarkan...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *It was just a structure?*

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard (BNS)]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ia tidak ada *functional elements* lagi di dalam itu kan?

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard (BNS)]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *So, this one* dia kata *the detailed design* yang tak apa walaupun selepas Mei 2024. Maknanya, *you* dah masuk dan letak di air, atas air itu tetapi *the design is not complete*. Makna *the functionality of this LCS* ini *is already* apa? *90, what – 94 per cent?*

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard (BNS)]: *94 per cent.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *94 per cent.* Maknanya, daripada *safety features*, semuanya itu *is already* dah *complete*?

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard (BNS)]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Apa maksud “yang tidak kritikal”? Yang *you* kata *it is okay*, tunggu bulan Ogos. Itu pun kalau diluluskan oleh the Naval Group. Maknanya *what?* Daripada catnyakah? Dia punya letak *your features, fixtures here and there*-kah? Apa yang sebenarnya tak kritikal?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyashekar Joseph [Kementerian Pertahanan]: YB, *if I may assist with the question*. Jika kita lihat sekarang ini, *the dark green that is shown here, both sides; shipyard* dan juga pasukan projek.

■1040

We have actually gone and verified apa *functional systems* yang wajib dihidupkan. Katakan kapal diluncurkan pada bulan lima kelak, apa sistem-sistem? *In fact, we already have a figure, we know that there are 18 critical systems.* Contoh *one of the vital systems is hull and fire pump.* Sistem ini menyedut air laut dan kitarkan air laut ini kepada beberapa sistem yang kritikal dalam kapal. So, sistem itu wajib ada berbanding dengan *exercise* yang dibuat pada tahun 2017 apabila kapal dilancarkan pada masa itu. *None of the underwater openings* telah disediakan, *none were cut.* Tetapi kali ini *we have gone through the checklist, we have gone through even the physical* punya *workaround* untuk mengesahkan kesemua 18 sistem kritikal ini *must be ready* sebelum kapal dapat diluncurkan semula pada bulan lima kelak.

Come to the second part of your question, apa yang non-critical? Actually, yang *non-critical* ini *the remaining that you see about four something percent,* adalah *the finalising of the designs.* Kita dah tahu laluan utama kabel di mana, kita dah tahu laluan utama *piping* di mana. Semua itu dah dimuktamadkan bagi hampir kesemua kompartmen. *All the compartments that you see here all are already finalised.* Yang kita belum pasti ini apabila kapal besok *go through the trial* punya proses, kita akan jumpa isu-isu baharu *during the commissioning phase.* Masa *setting to work* lepas kapal turun bulan lima sehinggalah kapal diserahkan kepada *end user, TLDM* pada bulan, *two years from then. Roughly 22 months from then.* Ada beberapa lagi sistem yang kita akan jumpa lah. *So, this four percent can only be finalised during that 22-month* punya *gap period. If you want to do it now, it is going to be close to impossible.* *Yes, they need to finish up the design* kotak yang di sebelah, *progress statement* di sebelah kiri itu, *shipyard* kena selesaikan *and we are hoping— that's why* kita letak *checkpoint* di mana *approval* mesti diperolehi *by August this year. That means 100 percent approval on the detailed design must be obtained by August this year.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ok, saya nak tanya soalan pada...

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tambahan boleh?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya, kepada-sama juga. Saya *relate to—* ini berkenaan dengan *detailed design 100 percent* yang belum siap. Sebab kita tengok *94 percent* maksudnya yang dah siap *by BNS* tetapi *approval-nya* baru *obtain* dalam 85 peratus. Jadi saya nak bertanya, adakah kerja-kerja yang dijalankan buat masa ini adalah sah, *even though* dia baru masuk untuk *obtain* dia punya *approval* itu Oktober. Sebab *since* dia punya *detailed design* itu belum di-*approve* lagi, adakah kerja-kerja yang dijalankan itu adalah sah dan apakah risiko sekiranya ada perubahan dari segi *final design in the future* dan kesannya

kepada VO (*Variation Order*) dan kalau ianya berlaku dan juga sekiranya ada pertambahan kos kelak. Boleh tidak ini...

Laksamana IR. TS. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Saya akan jawab *the first two questions* yang YB tanya. Adakah benda ini sah? Yes, ianya sah dan pasukan projek juga berpeluang untuk duduk bersama-sama dengan *the approving authority*. Sekarang ini di Lumut ada *naval group* punya wakil. *So, we sit with them and also validate the percentages in terms of design*. So, yang itu pertama. Yang kedua, dalam kita merangka pelan pemulihan untuk kapal ini. *We have already foreseen this particular aspect* di mana potensi berlakunya *rework, in case design* tidak diluluskan. *So, there is a small percentage if I'm not mistaken in the range of 15 to 20 percent* yang kita masukkan *as potential rework* sekiranya *approval authority* tidak meluluskan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Setakat ini daripada 94.75 itu yang dia *approve* itu adakah masih belum buat lagi kah atau ada *design-design* yang memang dia tidak *approve*?

Laksamana IR. TS. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Ia bukannya isu *design* dia tidak *approve*, tetapi ada *design-design* yang kita perlu kita perbaiki. *Say, you got a huge drawing that is already done for one compartment. 90 percent of the compartment lulus. Cuma dia kata this two percent or this particular item here you need to reposition*. Sebab laluan *piping* dia dah berubah sekarang. *So, those are the kind of actions yang shipyard* kena buat lah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Yang itu yang menyumbangkan kepada kelewatan *approval* tersebut?

Laksamana IR. TS. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Ya, ya. *The 216 tasks* yang tidak siap tadi itu, *most of it is corrective action* yang perlu dibaiki oleh *shipyard*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Mana dengan soalan saya berkenaan dengan VO (*Variation Order*) serta pertambahan kos.

Kapten IR Azhar Jumaat (Boustead Naval Shipyard): Buat masa ini kita tak ada menjangkakan keperluan VO yang melibatkan kepada pihak kerajaan. Jikalau wujud ada sedikit pembedahan, *correction* yang perlu dilaksanakan oleh pihak limbungan ianya akan dilaksanakan oleh pihak limbungan dengan kos pihak limbungan di mana dalam konteks ini kita juga membuatkan *provision* dalam *detailed design* ini ada *certain margin of* kita panggil *rework*. Dalam *design* ini ia akan mengandungi *element iteration* atau proses kita validasi. Mungkin dari segi reka bentuk yang melibatkan simulasi 3D model semua itu nampak cantik, tetapi bila kita

dah tengok secara fizikal pihak pengguna dah masuk, 'eh kita nampak ini tak berapa sesuai, mungkin kita boleh alihkan sedikit paip ini'. Okey perkara-perkara tersebut kita dah ada *provision* yang kita telah sediakan di peringkat limbungan. Lanya tidak akan di-*transfer* kepada kerajaan sebagai *variation* order kerana tiada keperluan untuk *variation* order di pihak kerajaan. Bagi kami ini adalah satu proses yang biasa. Kalau kita buat rumah juga kadang kita buat memang nampak cantik dari segi *drawing* semua, tetapi bila dah masuk tetapi *wife* kata pula 'eh, I tak nak lah teko ini untuk masak air dekat situ, boleh tidak you ubah letak kat hujung'.

Ia ada perkara kecil itu atas cita rasa pengguna yang kita *cater* lah. Tetapinya kita tidak jangka ia melibatkan struktur dapur kita kena *hack* balik ke ataupun dialihkan ke tiang serinya, tak ada. Cuma mungkin diubah punca *plug* untuk masak air ataupun letak kabinet ikut cita rasa pengguna *which* kita tidak boleh nak jangka dari segi awal. Jadi elemen-elemen tersebut juga telah kita ambil kira Yang Berhormat Pengerusi.

Jadi itu sebagai satu contoh yang saya rasa saya cuba *to relate*. Jadi saya tidak akan mengatakan ini fasal kehendak pengguna sedemikian yang kita nampak tidak munasabah dan kita nak *charge additional cost*. Tak adalah Yang Berhormat. Kita nampak itu sebagai satu perkara yang biasa yang tak ada melibatkan perkara-perkara dasar ataupun prinsipal. Dari segi *design* ataupun *performance* kita akan buat. Perkara-perkara yang kita anggap sebagai kecil. Tetapi dari segi rekod memang kita tak *close* lah *design* itu *because* bila kita kata erti kata *close design* ini kita akan *finalise*-kan *the design* itu dalam konteks *production drawing and as-built drawing*. So, selagi kedudukan *plug* itu tak di *so-called* diterima pakai oleh pengguna secara total dan kita kata masih tak *close*. Tetapi elemen itu kecil dan tak *significant*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ok saya nak tanya kepada Datuk KSU. *Since* Kapten Azhar tadi maklumkan bahawa tidak ada-kos itu tidak ditanggung oleh pihak kerajaan. Jadi, saya ingin bertanya kepada KSU adakah terdapat peruntukan sekiranya berlaku, yang di-*allocate* oleh kementerian sekiranya berlaku VO ini?

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Yang Berhormat, setakat ini tak ada. Memang apa yang ditetapkan dan diluluskan dan dibincangkan oleh PAC itu adalah *final figure* kita. Kita tak ada *additional* apa nak tambah-tambah. *Shipyard* kena *work within that budget*.

■1050

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Pengerusi, mendengarkan penjelasan tadi mengenai kerja-kerja *design* yang belum siap itu, nampaknya kerja-kerja itu *quite insignificant* dan dia dibuat oleh *in-house company* itu sendiri. Jadi, ini fasal

keyakinan. Sebab 86 hari yang *delay* itu, itu banyak *delay* itu. Kalau di-*translate* kepada LAD itu dah banyak itu. *So, for us I think it's very significant.* Kenapa kalau dia *design* itu *in-house*, kenapa dia boleh lambat sampai 86 hari itu? Macam mana sistem pekerjaan, sistem— *coordination system* dia dalam kerja ini dibuat? Adakah *weekly, daily* ataupun— sebab *design-design* yang *minor detailed design* ini sepatutnya boleh siap beberapa hari sahaja.

Saya terlibat dalam *construction oil and gas* Petronas loji. *So, kita tahulah* macam mana mereka buat yang *non-conformance report, punch list, critical path method* semua ini. Kalau dia dah *delay* 86 hari, itu *critical path method* dia dah *out* itu. Itu pandangan sayalah. Sebab sekarang ini keyakinan kepada PAC, keyakinan itu saya nampak *we are not that confident.* Sebab 86 hari itu *for us, that's a lot of days* dan nak *catch up* itu memang nak tambah *manpower, working hours.* *So, inilah* yang saya rasa yang *the main*, perkara pokok dia ialah *how confident are we for the next two months* dia boleh *catch up* yang kerja yang tiga bulan ini *delay.* *Okay, thank you.*

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Baik, sebelum itu, saya sambungan juga daripada apa YB Saratok cakap tadi, YB Pengerusi ya. Sebelum ini, kami semasa ada prosiding PAC, kami banyak kali dimaklumkan bahawa ada keyakinan bahawa projek ini akan disiapkan mengikut jadual yang baru inilah, selepas kontrak tambahan yang keenam ini. Banyak kali juga kita tanyalah soalan ini. Tetapi sekarang ini kita tengok ada *delay* dan juga ada varian sampai 86 hari. Jadi, persoalannya di sini— ya lah mungkin pihak limbungan pun kata tidak kritikal dan sebagainya, boleh *catch up* dan sebagainya. Tetapi kekhuatiran kita di PAC ini, saya rasa saya boleh cakap untuk semua di sini juga adalah akhirnya, dia akan bertambah *delay* ini dan projek sekali lagi terpaksa mengalami kelewatan.

Target-target ini semua setakat yang kami tahu memang ditetapkan bersama-sama ya, di antara pihak limbungan dan kementerian dan sebagainya. Jadi, *you have set these targets* dan dengan izin. Tetapi nampak gayanya, tak dapat capai juga. Jadi, persoalannya *moving forward*, kalau betul-betul lah kita nak kata— *are we going to expect delays, further delays* sampaikan *even* untuk menyiapkan kapal pertama itu pun kita mungkin akan melihat kelewatan, secara jujur lah *I think* ataupun kita akan dapat sekurang-kurangnya siapkan *the first ship* itu. Sebab saya setuju juga dengan apa yang dikatakan oleh YB Shah Alam. *I think once the first ship* dah siap, itu *I think there would be a lot more confidence towards this project.* Tetapi selagi *the first ship* itu tak siap, memang *people are going to still ask questions.* Jadi, mohon ulasan daripada kedua-dua pihak limbungan dan juga kementerian.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan Malaysia]: YB, saya mulakan dulu ya. *Yes, we acknowledged* ada 86 hari kelewatan dan pemantauan yang terperinci kitalah yang menunjukkan kelewatan yang ada ini. *We are very detailed. So, kalau certain* aktiviti itu tidak dapat ditutup, contoh seperti perbincangan *location of light switch. Very small item compared to an entire ship, okay. But, just because the two parties cannot agree on where the light switch is going to be placed, it remains as an open item. So, bila dia open item, dia jadi pending action* lah. Perlu ditekankan 86 hari kelewatan bukannya semata-mata *on design. It is not hundred percent on design. 86 hari ini adalah cumulative across the five ships.*

I always like to use the analogy of a— the five plus one lah. Sebab lima itu adalah kapal, *physical construction work and one is the design. You got to complete the design as well. So, the delay is total, cumulative.* Tetapi seperti mana yang kita— telah saya tunjukkan sebentar tadi, kapal satu *from the target of 73 percent which is the next litmus test, it is coming up to in March. We are at 72.25. So, tak* adalah jauh sangat daripada *target* yang sepatutnya kita capai.

Saya akui *delay* itu ada dan *we have already started seeing* pelan-pelan tindak yang limbungan telah ataupun sedang lakukan untuk *catch up* dan *mitigate some of these delays.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, ada kah kaitan *problem* dengan *cost, pembayaran?* *Second question is, dah bayar kah OEM yang dulu-dulu problem* kata isu kan, yang tak bayar OEM dan sebagainya? *When you get your equipment-equipment* kah apa benda semua-semua ini. Dah bayar kah OEM itu?

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard (BNS)]: Dah, ya YB. Setakat ini, kita tidak mempunyai isu dari segi pembayaran yang terbengkalailah, melibatkan OEM dan juga vendor-vendor.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Boleh Pengerusi? Terima kasih. Boleh saya tahu sekarang *on the site* ada berapa ramai pekerja yang sedang menjalankan tugas dari pihak kontraktor?

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard (BNS)]: Dari segi *project management* itu kita lebih kurang dalam 80 orang dari segi *project management. But, dari segi* pekerja yang melibatkan *construction, melibatkan di workshop* apa semua itu, lebih kurang dekat— *harbouring about 200-250* orang sahaja. Kerana kita kebanyakannya menerima peralatan-peralatan ini dia sudah *ready to be installed* dan kebanyakan yang kerja-kerja yang dilaksanakan itu

melibatkan kerja *outfitting, installation* dan juga *connecting equipment-equipment*. Juga, material dari segi *piping* dan *cabling*.

Numbers of people on the ground itu *not really reflecting in terms of the capacity* ataupun *the intensity of the work*, because kita banyak melibatkan kerja-kerja yang kita jangka yang lebih memberi impaknya ialah kerja melibatkan kepakaran, *know-how*. Itu yang melibatkan sedikit *intervention* yang mengambil sedikit masa lah. Sebagai contoh, saya maklumkan pada awal taklimat saya tadi yang melibatkan kehadiran *supervisor* daripada OEM, melibatkan kehadiran *quality controller* daripada OEM. Ia tidak dengan secara langsung menggambarkan lagi ramai orang ada boleh buat kerja, kerja itu boleh berjalan. Tidak. Ia bergantung orang itu, *supervisor and quality control* itu tak ada, baru kerja boleh berjalan.

Jadi, isu itu dia banyak berhubung kait, bukan sahaja seperti bilangan pekerja yang berada di *shipyard* tetapi yang kita cuba tangani ialah untuk memastikan *sequence* atau kerja-kerja itu boleh dilaksanakan mengikut proses yang betul supaya kita tidak akan mengalami masalah *rework* dan juga *rejection*, penolakan kualiti oleh pihak pengguna, Yang Berhormat. So, saya harap memberikan sedikit gambaran, apakah cabaran dan juga isu-isu yang perlu ditangani, diseimbangkan oleh pihak limbungan di lapanganlah, di *shipyard*. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya nak tanya. Laksamana Franklin pun cakap tadi, memang ada *delay* kan?

■1100

Jadi di situ menunjukkan status kemajuan projek itu ada berlaku sedikit kelewatan. Dalam akhbar baru-baru ini 19 Januari menyatakan bahawa ada Panglima Tentera Laut menyatakan bahawa akan dibuat pelancaran kapal ini pada bulan Mei ataupun Jun. Adakah bila berlakunya kelewatan itu, pelancaran juga terpaksa dijanjikan *based on* kelewatan yang berlaku sebagaimana yang telah pun dinyatakan oleh Panglima Tentera Laut dalam akhbar baru-baru ini.

Laksamana Pertama Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan]: *Thank you YB*. Ya betul ada *statement made by* Panglima Tentera Laut baru-baru ini. Ya, *contractual date* untuk *the second checkpoint* adalah pada Mei. Itu tarikh yang kita *as* kementerian kita akan pegang. Pihak syarikat *shipyard* *needs to work towards that date as the given target*. Cuma Panglima Tentera Laut telah pun ditaklimatkan sebelum *press conference* tersebut, *hence his statement* itu ada *that gap*. *Probability of May or June taking into consideration the 86 days that are currently on the table*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya nak komen daripada Kapten Azhar.

Kapten Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard]: Kita pihak syarikat Yang Berhormat Pengerusi dan Datuk Pengerusi berpegang kepada ketetapan prestasi kontrak di mana keperluan *target* untuk turun ke air ini pada 25 Mei masih kekal. Kita sedang berusaha untuk memitigasikan keperluan-keperluan yang ada untuk membolehkannya dicapai pada tarikh tersebut. *Insyah-Allah*.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Terkait dengan yang *latest* komen tadi itu iaitu turun ke air. Kita nak tahu turun ke air ini apakah *scope work* yang akan dilakukan. Maksudnya untuk tujuan apa sebab nanti T&C dan juga *fully operational is another two years from* turun ke air. So, bila turun ke air ini, pada masa itu banyak lagi yang belum siap, *especially certain design* pun belum ada, mungkin *some equipment* pun belum pasang. Jadi, turun ke air itu kita nak tahu *as a layman* dia turun untuk apa kan. Selepas turun air ini, akan adakah proses dia akan naik balik ke darat, lepas itu turun lagi naik balik dan untuk pastikan. Jadi, mesti ada *test*-lah yang *based on the checkpoint. That's number one*.

Number two, tadi kapten sebut tentang *rework. Potential rework 15 to 20 percent. A lot-lah actually. I mean* kalau kita tengok *based on construction*. Kalau kita *allow, as a rule of thumb*, untuk *any construction* pun biasanya kita *allow, cost wise about 10 percent* biasanya kita *allow* kan. So, *if you are talking about 15 to 20 percent, does that also potentially a risk of 15 or 20 percent variation*.

Number three, biasanya kalau kita *go ahead with the work*, mesti ada *design freeze. The design freeze must be agreed by both parties— end user and the developer, the designer, contractor*, kan. So kalau katakan nanti bila ada *rework* itu, siapa yang akan dipertanggungjawabkan? *Of course* kalau di pihak kerajaan dah setuju, okey kerajaan kata *design freeze and then suddenly* tiba-tiba nanti akan ada tak puas hati. *End user* tak puas hati. *Of course that risk will be transferred to kerajaan. That, in another word* tak *align* dengan apa yang Datuk Seri KSU sebut awal tadilah. Tidak akan ada komitmen daripada kerajaan untuk nak tambah kewangan kepada projek ini.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sikit lagi sambungan daripada Shah Alam, Datuk Wira. *[Tidak Jelas]* selepas meluncur tadi kan. Maknanya *it is not 100 percent yet* kan? *It is not 100 percent*. Kita *accept*-lah bila dia meluncur itu, *the ship is not 100 percent complete yet?* Betul ya?

Kapten Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey. Dia punya *time gap* sebab sepatutnya *by 2026* kan *the ship is* kiranya dah *complete and everything*. Maknanya *from May 2024* sampai 2026, *that duration is* adalah masa untuk cari untuk— *hopefully* taklah kan. Apa-apa sahaja masalah yang mungkin tidak dijangka secara

teori tapi *now inside you is already on the water, then you can see little things coming up*. Betul ya?

Laksamana Pertama Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* No, dia ada tujuannya dia yang lain.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tekan *mic*.

Laksamana Pertama Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan]: Dia ada tujuan dia yang lain. Dia sebahagian daripada proses pentauliahkan. *[Disampuk] Commissioning of the vessel. Sorry to jump immediately to YB punya soalan. Downlift ini, downslip* ataupun peluncuran kapal ini adalah titik mula untuk kita menguji kapal tersebut atas air. Seperti mana yang saya sebut awal tadi, ada 18 kritikal sistem yang ada di bawah elemen ataupun konteks bawah permukaan. *That means it is in water at all times. So, sistem-sistem ini perlu diuji as soon as kapal itu turun air. The testing will start from then on.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Meaning* sambung Shah Alam tadi kan, *meaning* apabila Mei itu dia turun ke air, dia takkan naik-naik dah? Betul?

Laksamana Pertama Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan]: Dalam— okey.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Because this is the duration of commissioning* kan?

Laksamana Pertama Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan]: Betul. Dalam *layman* ya kapal itu tidak akan naik. Tapi dalam jadual projek kita ini dia akan naik satu kali lagi. *That one time is* dekat-dekat dengan sebelum kapal menjalani fasa yang kita panggil *sea acceptance trial* sebab antara *deliverables* yang kerajaan mintak dengan syarikat, adalah bukti kelajuan. *Speed*. Katakan kontrak ini kapal ini sepatutnya mencapai 28 knot. Kelajuan kapal ya. *So, untuk mencapai kelajuan 28 knot dia ada kondisi kapal yang perlu disediakan termasuklah permukaan bawah kapal yang bersih. So, kapal ini akan naik closer to the sea acceptance trial* untuk buat cucian, pembersihan apa semua tu sebab *once* kapal ini turun, dia dah *already semi operational. That means* sistem-sistem yang kita tauliahkan ini akan dah *start* berjalan. Contoh sistem sedut air masin dah *start* berjalan, sistem proses air masin *to* air tawar, *the reverse osmosis system* dah *start* berjalan. *So, these are the kinds of things yang already start being commissioned before we move into the more complicated testing which is on the combat system. Combat system, meriam, missiles* dan seterusnya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Maknanya nak faham sahaja. *Commissioning means* kalau macam KPKT lah kan *is a* bagi CF? Betul ya? Kan?

Maknanya lepas itu *it is called* habislah. Maknanya *government* pun tak boleh lah nak kata *after 2026* itu dah tak bolehlah nak cakap begitu begini, tak kena apa benda betul ke tak. *So, because we are talking about people's money* ini.

Laksamana Pertama Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan]: Saya cuba jawab lagi YB. *Commissioning* dalam konteks kapal tentera berbeza sedikit. Dua tahun yang kapal akan lalui— *22 months to be exact*. Yang kapal akan lalui daripada Mei 24 sehingga penerimaan pada Ogos 26 nanti adalah *trials and testings*. *So*, dalam tajuk in *one of the slides also you will see one of the elements* yang kosong peratus *which is trials and commissioning*. *So, when we talk about commissioning* ini, istilah *commissioning* yang kita gunakan adalah *commissioning of individual systems on board that particular ship*.

Commissioning in the layman's term yang untuk mudah faham adalah aktiviti yang baru berlaku tempoh hari pada 19 hari bulan di Kuantan di mana Panglima Tentera Laut mentauliahkan dua buah kapal, KD Sri Sabah dengan Sri Sarawak. Itu in *the naval terminology* kita panggil *commissioning*. Dalam kontrak kita, *the final commissioning* ini *will happen after August 2026*.

■1110

So, segala ujian, segala *testing*, semuanya akan kita lalui. *End user* perlu *go through all these trials* dan sekiranya kita ada *issues* yang kita tak setuju, contoh dalam *design* ini ataupun laluan *piping*. *Piping* ini sepatutnya tak belok ke kiri, sepatutnya belok ke kanan. *So*, isu-isu kecil macam itu pun akan ditangani semasa tempoh *trials and testing* inilah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Kalau tak ada apa boleh teruskan pembentangan, *then in between* itu Yang Berhormat boleh tanya soalan.

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard (BNS)]: Yang Berhormat, izinkan saya untuk menjawab satu soalan daripada YB Shah Alam tadi. Isu *rework* yang di mana pihak limbungan memperuntukkan lebih kurang 15 ke 20 peratus *rework design*. Saya nak jelaskan di sini ia bermaksud dari segi aktiviti *design* tapi dia tak *translate directly* kepada *cost one-to-one per cent*-lah ataupun *direct proportionate*.

Cuma dari segi *context*, macam saya cakap katakan kita tak *close design* itu *just because* ada beberapa kedudukan *human machine interface* yang tak dipersetujui oleh pihak pengguna. Tapi dari segi *layout* kabel, *functionality* bagi struktur, *shock requirement*, *noise requirement*, *ambient noise*, semua itu dah selesai. Cuma *some* itu *it's just* lebih kepada cita rasa dan juga perlukan pengguna

masuk dan juga *look and feel* dan juga kadang-kadang itu kita rasa ia perlu *intervention* dari segi *actual people to go in as simulation*.

Jadi, itu yang kita *reserve*-kan dalam lingkungan 15 ke 20 peratus, erti kata *design* itu tak kita panggil *close*-lah. So, ia tidak – *meaning* 15 peratus dari segi kos keseluruhan kapal akan di-*reserve*-kan untuk *design* punya *rework*, tidak. Cuma kita dari segi *volume of* kerja dan kebanyakannya elemen-elemen tersebut adalah lebih menjurus kepada aktiviti-aktiviti *rework* yang kita rasa tak *significant* dan tidak mempunyai pengaruh besar kepada fungsi utama sistem atau kapallah.

Perkara kedua berkenaan dengan *design freeze*. *Design freeze* ini ia dilaksanakan sebagai satu proses berfasalah. Setiap peralatan atau sistem itu akan melalui satu kita panggil aktiviti *critical design review*. *That is actually where we freeze the design*. *Critical design review* ini untuk setiap sistem, peralatan ataupun – terutamanya peralatan yang kritikal, melibatkan input daripada pihak TLDM. Keputusan keseluruhan, semuanya telah melalui fasa *critical design review* dan telah di-*freeze*.

Jadi, *for us to arrive at 85 per cent* ini, *all of the critical design reviews for main or vital equipment have already been achieved and frozen with intervention input* daripada pihak penggunalah. Jadi isu *design freeze*; ya, kita ambil kira cuma kita juga memberi ruang dalam 15, 20 peratus *in terms of design* itu untuk memberi *some*, saya panggil *leeways* untuk kita sesuaikan dengan keperluan-keperluan pengguna. Jadi kita tak jangkakan ada, pada satu masa ada *design deviation requirement* daripada pihak pengguna yang menjurus kepada *variation orders* melibatkan kontraklah.

Jadi, kalau setakat nak ubah kedudukan *piping* sikit itu ataupun alih kedudukan almarikah, suis itu, kita akan buat tapi janganlah nak ubah meriam atau jenama model, itu tak bolehlah. Itu sahaja untuk penerangan, untuk memberikan sedikit penjelasan kepada Yang Berhormat ya.

Jadi, saya harap saya telah sentuh dua soalan daripada Yang Berhormat tadi. Ada juga tadi yang berkaitan dengan aktiviti turun air ini. Ya, yang bulan Mei tahun ini, skop kita untuk turun air itu adalah ia akan turun dan tiada keperluan untuk naik semula ke galangan. Keperluan untuk naik semula ke galangan adalah sejurus sebelum kita keluar untuk belayar membuat ujian kelajuan di mana kita perlu membersihkan *hull* badan kapal di bawah air itu supaya dia punya – orang panggil tiada ada tambahan elemen *drag*.

Kalau sekarang ini bila dah lama atas air itu akan tumbuh teritip-teritip itu semua, so kita akan *clean up all those things* sebelum kita membuat ujian kelajuan di laut untuk membuktikan prestasi kapal ini menepati keperluan penggunalah. Jadi,

pelancaran kapal ini pada bulan – saya tak nak panggil ini sebagai pelancaran nanti orang akan jadi keliru *because* kata 2017 dah lancar, tahun ini nak lancar lagi. Bukan; kali ini turun air untuk kita membuat ujian-ujian yang melibatkan keperluan di atas air.

Yang lancarkan pada tahun 2017 itu kita panggil *launching* dalam dia punya terminologi yang biasa diguna pakailah. Ia lebih untuk menguji kestabilan ujian kapal itu di mana ia tidak perlu melibatkan semua peralatan tersedia siap diuji. Lebih kepada struktur *naval architecture* pada kapal itu supaya ia bila dimasukkan, diletakkan atas air, *it's stable*. Dia tak senget ataupun dia mempunyai *righting moment* yang betul.

Tujuan pelancaran atau *launching* pada tahun tersebut lebih untuk menguji elemen *or* aspek tersebut dan adalah satu proses dan selepas itu ia dibawa naik ke daratan semula untuk proses-proses pembinaan yang selanjutnya. So, proses itu berlangsung seperti proses yang normal dari segi aplikasi dan juga proses pembinaan kapal-kapal yang biasalah di dunia ini. Itu sahaja, saya harap memberikan sedikit penjelasan yang lebih mendalamlah kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Oh okey, Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey, dalam slaid ini dia ada satu *risk and quality*. Saya nak mohon penjelasan tentang *risk* ya. Ada *seven extreme risks identified*. Apa *seven extreme risks* itu? Adakah ia akan menjejaskan *progress* kita dalam pembinaan kapal? Terima kasih.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyashekar Joseph [Kementerian Pertahanan]: *Thank you, YB. Since you've already touched on the subject* saya teruskan sahaja dengan skop tersebut. Untuk *risk* dengan *quality*, benda *risk* ini *both ways*; dia adalah *risk* yang kita kenal pasti bersama. *Meaning to say team* projek dan juga syarikat ataupun *there are certain risks* yang syarikat sendiri yang kena *resolve* lah dalam *certain of the risks*. Okey, so, itu satu. *We have a slide, a more detailed slide on it.*

On top of that, in terms of quality, we have activities ataupun kerja-kerja yang dikawal selia ataupun dipantau dan ditegur oleh *class body – classification body*. So, *that is where you get the 503 punch list. That means* ada 503 *punch list* yang masih *open*, yang perlu diambil tindakan oleh pihak syarikat dan juga 23 *non-conformity report* (NCR) yang telah dikeluarkan oleh pasukan projek, yang perlu juga ditangani dan ditutup oleh pihak syarikat. *[Merujuk kepada urus setia] Masuk, go into the slide. Okay.*

Most of these risks, if you can see the extreme risks sekarang ini relate to action by the company-lah, in terms of trying to manage the project as they go through.

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard (BNS)]: Yang Berhormat Datuk Pengerusi dan juga ahli-ahli PAC, mohon juga dengan izin untuk saya memberikan sedikit *update*-lah dari segi elemen tadbir urus *because* kebanyakan isu *extreme risk* ini melibatkan elemen-elemen tadbir urus macam *financial, project management*, kontrak dan juga *again*, projek dan juga ada *last* sekali itu *on HR and quality*-lah.

Dari segi aspek *financial, project management* dan juga kontrak, syarikat telah diletakkan di bawah satu struktur tadbir urus yang amat ketatlah, lanjutan daripada proses pengambilalihan syarikat oleh Menteri Kewangan Diperbadankan. Di mana setiap kegunaan kewangan melibatkan projek LCS ini perlu melalui satu – beberapa fasa, *checks and balances*.

■1120

Tiada satu sen pun pada kewangan yang melibatkan LCS boleh dibelanjakan tanpa kelulusan lembaga pengarah syarikat yang baharu. Jadi, ianya amat ketat. Di samping itu, sebelum ianya sampai kepada pertimbangan dan juga dibentangkan kepada lembaga pengarah syarikat yang baharu, di mana secara keseluruhannya diwakili oleh Menteri Kewangan sendiri, staf-staf, para pegawai daripada Kementerian Kewangan sendiri. Juga melalui satu badan yang dipanggil *oversight committee* yang melihat lagi lebih mendalam dan juga terperinci.

Jadi, tujuan struktur tadbir urus dan juga libat urus yang amat ketat ini ialah untuk menangani isu-isu ataupun *pinpoint* yang telah dibangkitkan oleh siasatan sebelumnya. Juga *of course* mengambil kira hasil pembentangan oleh PAC sendiri. Jadi, isu itu telah dilaksanakan untuk— saya lihat lebih hampir lapan ke sembilan bulan yang lepas. Jadi, sukacita juga saya maklumkan proses sedang berlangsung dan tiada perkara ataupun *red flag being highlighted* dan juga menggusarkan pemegang saham kami yang baharulah.

Jadi, ianya juga dikongsikan bersama dengan pihak Kementerian Pertahanan dari segi libat urus dan juga proses *oversight* berkaitan dengan— bukan sahaja projek LCS secara khusus tapi juga dari segi pentadbiran dan juga pengurusan syarikat ini secara keseluruhannya juga. Proses pengambilalihan syarikat ini *probably* akan disentuh secara berasinganlah. Terima kasih Yang Berhormat semua. Saya nak *highlight* elemen tersebut lah.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Pengerusi, terima kasih. Jadi, saya ingin tanya kepada Datuk Seri KSU berkenaan pembayaran kepada OEM

kerana kalau saya ingat betul, seharusnya kerajaan yang buat pembayaran terus kepada OEM. Jadi, sehingga kini, apa status pembayaran tersebut?

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, saya telah mempengerusikan sendiri mesyuarat antara syarikat pembuat dengan syarikat-syarikat yang berkaitan. *Main con* dan juga *subcon* lah. Isu-isu berkaitan mengenai pembayaran telah diselesaikan kecuali ada dua sahaja rasanya tak silap. Ada dua saja lagi yang *work in progress* sebab ada *novation agreement*. Isu *novation agreement* kita nak *finalise the novation agreement for the payment to be made but more or less, all payments are all completed*. Tak ada isu lagi lah.

Kita juga boleh membayar *direct* kepada kontraktor, *subcon* itu sebab dalam SA6 ini dibenarkan jika perlu tapi setakat ini belum ada lagi. Tapi kita dah selesaikan kebanyakan daripada *payment*, Yang Berhormat.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Boleh Datuk Seri memberitahu yang dua kontraktor itu siapa dan amaun yang terlibat itu berapa?

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard]: Isu pembayaran yang bukan kata terbengkalai, ia melibatkan satu proses kalau Yang Berhormat maklum, sebelum ini ialah isu kita untuk mengeluarkan penglibatan satu syarikat yang kita kategori sebagai orang tengah, Contravest. So, pada bulan November tahun lepas, satu *settlement agreement* telah dimeterai antara syarikat dan juga Contravest untuk mereka bersetuju ditamatkan penglibatan dalam projek LCS di mana Syarikat Lunas— *now we are no longer BNS officially* sebenarnya. Lumut Naval Shipyard atau akronimnya LUNAS akan berhubung secara terus

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard]: Ya, Yang Berhormat?

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ingatkan Lynas dekat Kuantan.

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard]: Bukan, bukan. Ini LUNAS bukan Lynas. Dia *very clear* LUNAS. Kita melunaskan tanggungjawab dan juga janji-janji kita lah. So, Lynas itu dia lari sikit pada LUNAS.

Jadi, di mana dua syarikat yang masih belum bayar ini yang melibatkan proses *novation* dan juga membolehkan kita selesaikan proses *novation* itu untuk membuatkan pembayaran terus kepada OEM.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, saya nak

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, maaf ya. Saya tak jelas sangat dengan *settlement* kita dengan Contravest. Maksudnya kita buat pembayaran kepada mereka lagi untuk tamatkan kontrak kita kah, macam mana?

Kepten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard]: Okey, dari segi konteks *settlement* ini Yang Berhormat, kita tak ada membayar apa-apa kos tambahan kepada Contravest untuk membolehkan mereka bersetuju untuk keluar daripada ikatan kontrak semasa. *Settlement* yang kita dapat selesaikan ini adalah untuk kita membuat bayaran hutang-hutang yang terbengkalai *due* kepada mereka. Itu saja. *So, within the contract* punya kos asal. Dia juga berpuas hati dan bersetuju untuk menerima apa yang *due*, untuk kerja-kerja yang telah mereka laksanakan dan menarik diri daripada ikatan kontrak semasa untuk membolehkan kami berurusan secara terus dengan OEM. Itu saja.

Jadi, perkara asas atau pokok yang saya nak cuba *highlight* di sini, tiada isu kos tambahan lah. Daripada segi aspek untuk *settlement agreement* tersebut.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Tapi kalau tak silap sebenarnya BNS lah nama dulu juga pegang 51 peratus saham Contravest, betul?

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard]: Bukan.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Bukan.

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard]: Yang pegang 51 peratus saham terhadap Syarikat Contravest ialah Boustead Heavy Industries Corporation. Bukan BNS. Nama dekat-dekat, Yang Berhormat.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Tapi akhirnya BHIC akan manfaatkah ataupun tidak?

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard]: Mohon penjelasan. Maksud Yang Berhormat *on* manfaat ini apa, ya?

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Kerana BHIC adalah ibu syarikat kepada Contravest, kan?

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard]: Ya.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Akhirnya satu *group* kan.

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard]: Ya. Dari segi penstrukturan itu memang BHIC adalah pemegang saham majoriti lah kepada Contravest. Di mana Contravest adalah satu entiti *joint venture* dia dengan Syarikat Rheinmetall daripada *Germany*. Ia pastinya dia akan mempunyai— dapat manfaat daripada apa-apa hasil daripada kontrak yang melibatkan projek LCS ini.

Itulah perkara yang asas yang telah di ketengahkan dan dibahaskan dan menjadi isu utama yang disiasat sebelum-sebelum ini lah, Yang Berhormat.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Maaf, saya terlupa nak tanya. Jadi, amaun yang kita bayar kepada Contravest berapa? Yang tertunggak ini.

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard]: Yang tertunggak *about* lebih kurang RM190 juta untuk kerja-kerja yang mereka telah laksanakan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, merujuk pada slaid yang sebelum ini. Yang tujuh *risk extreme*, yang penerangan tadi. Ia ada *explained* risiko tadi. *Extreme risk* tadi. Okey.

Saya nak tanya, *based on financial risk*, adakah kita masih lagi *on track* untuk menyiapkan projek ini berdasarkan perkiraan asal, sebagaimana yang telah pun dimaklumkan kepada Kabinet ataupun kerajaan sebelum ini. Jawab ya ataupun tidak.

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard]: Ya, Datuk. Masih lagi dalam *on track* dari segi *financial impact*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Oh! Memang. Okey, maksudnya tidak ada pertambahan kos sebab kalau kita tengok itu dia punya "*Risk cost per budget preparation, budget prepared did not cover all relevant areas*". Maksudnya, bajet yang disediakan itu tak dapat *cover* semua *area* pun, yang mana *impact* dia itu "*Unable to complete the vessel*". *Right? So*, macam mana yang boleh kata "Ya", jawapan "Ya".

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Boleh saya sambung? Terima kasih. *Just extend to* apa Datuk Wira punya isu. Maknanya, *I'm still trying to understand, comprehend this situation. Design is still on going*.

■1130

At the same time, okay this project dapat– pump in another RM2.098 billion and the final punya contract becomes RM11 billion lebih. Now that figure itu, while we know the design is still on going, there might be changes here and there lagi. Adakah that the new contract value itu, is a ceiling punya figure, in other words government may need just to pay the maximum, that value and government may need to pay only could be less than that ataupun macam mana? What is the present contract supplementary agreement itu? Maknanya is the government or the rakyat has been exposed to the additional cost atau tidak lah, while the design is still ongoing. Itu satu isu.

Keduanya *we talk about design*. Kita ada 176 *designs* lagi yang belum *finalised*. *Now*, boleh kita tahu tak adakah itu disebabkan *fickle-mindedness of the client while the design needs to be changed here and there lagi* ataupun *it is not approved* ataupun apa. *That means — or is the incompetency of the designer to come out with the design. So, it is either the incompetency of the designer ataupun*

fickle-mindedness of the client, keep on changing ataupun approval not obtained by the French. Okay that is the second question.

Third question non-conformity itu. We got three nonconformities– 23. Can you just share with us what are the major inconformities yang have been highlighted in this report lah? So, tiga perkara itu. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Saya nak yang saya punya soalan itu, jawab betul-betul sebab tadi kata ya. Maksudnya memang on track. So, can you explain more based on this current slide yang menunjukkan risk cost and impact?*

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan Malaysia]: *Okay what you see here as – risk ini adalah hasil penelitian bersama on the ground, operational level. Ini yang kita nampak as potential risks yang kita register. They need not actually happen. Contoh dalam soalan first financial risk ini. As of today, there is no cost escalation. There is no price increase yang require the shipyard to put in or to request from— for additional funding lah. Setakat ini tak ada. But on the ground, we are conscious of this as a potential extreme risk.*

Kenapa? Berbalik kepada soalan YB pula, kontrak ini is on the basis of ceiling contract. The government has given us the trust to proceed with that ceiling. You cannot exceed that ceiling. So, even earlier on I mentioned that even if the design is still not frozen, ada potential untuk 15 to 20 percent of rework on the design. Semua itu dah diambil kira. All that has been accounted for in the ceiling that has been approved by the government.

So, this– we continue to monitor month on month. So, risk table ini is something that we monitor on the monthly basis and kita update lah. Kalau bulan ini dah tak ada, okay next month, any potential or not? Tak ada. But finance dengan contract risk ini remain as the top extreme risk yang kita sentiasa kena be wary of lah. Risk ini is something that we project ahead and how we want to tackle those issues. So, at the moment, these are the item that we foresee potentially could happen. But so far, both the shipyard as well as the government team on the ground ini, kita– we have not hit any of these lah. Contractual risk pun setakat ini kita tak nampak lah. Contract is quite solid in terms on how it's been set up. Contoh macam Datuk Seri KSU mentioned pun, the ability untuk kita bayar jika perlu kepada OEM-OEM. So, all those flexibilities are put into the contract as it is at the moment.

Izinkan untuk juga jawab soalan YB tadi untuk design ini. Apa isu sebenarnya whether is fickle-mindedness of the client or is it the lack of enthusiasm, I called it, by the shipyard-lah. It is neither, sir. It is neither of those. Kenapa? It is in iterative process. Yes, Kapten Azhar made analogy contoh lampu soket dapur rumah. But this

cerita lampu soket ini *is actually happening on board at the moment*. Ada beberapa kompartmen di mana pemasangan lampu ataupun suis soket dia, *is at the height of 1.8 meters, by design* lah. So, bila kita tengok balik masa *team* dengan *the design team* duduk bersama-sama, so, *this becomes the iterative process* lah. “Eh tak bolehlah you letak lampu 1.8 meter ini. Macam mana nak capai?” By right, *socket switches should be at the eye-level or slightly below*. So, *this is the iterative process* yang *we are going through* lah.

So, *it's neither the fickle-mindedness of the client which is the navy, neither it is the lack of knowledge by the designer. It is just an iterative process that we have to go through*. Kita kena harungi proses ini *and we have to do it diligently and enthusiastically* lah.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Just nak respond Datuk Wira, boleh ya? That means at 1.8 meters itu, in the first place should not have happened* lah, for a Malaysian.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Even French pun bukan 1.8...*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *I mean, I'm just...*

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Betul, betul. Ini yang proses *iterative* dia. So, *the design* datang dulu. *Already been given at 1.8, done by the French*. So, bila kita tapis benda ini, kita kata, *average Malaysian ini 1.5, 1.4, 1.7*, takkan nak letak at 1.8. So, kita kena betulkan lah. Then proses pembetulan itu menyumbang kepada *rearrangement of a few other things in that compartment* lah. So, semua itu ada *knock-on effect* kepada *the finalising of the design*.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Correct me if I'm wrong*. Datuk Wira, boleh ya. *I have never designed a ship before* lah tapi bangunan ada. So, *the height of switches* kira macam standard lah *all over the world*. *Is it ship, 1.8* itu standard ataupun— *I mean for ship* punya standard lah. *If it's not standard, then there must be some explanations* kenapa for our ship ini *special* sangat 1.8 contoh. So, *is it a standard 1.8?*

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard (BNS)]: Boleh saya bagi penjelasan ya YB. Ini ialah satu orang panggil kejadian yang wujud bukan secara menyeluruh. Dalam sebilik itu, *our designer* terpaksa letak ada satu 1.8 tinggi sikit kerana ada *constrain* nak letak pada *normal height* yang biasa untuk bilik-bilik yang seperti yang lain. Mungkin *consideration* masa itu ada *some piping* yang melalui dinding tersebut ataupun ada isu dia punya *insulation* di kawasan tersebut.

Budak-budak kita ini kadang biasanya dia letak, *because* dia ambil *consideration* kalau tak boleh nak elakkan *piping*, dia letak *switch* dekat situ. Tapi bila *customer* tengok, tak boleh terlampau tinggi. Alihkan lah ke tempat lain yang boleh kita rendahkan. Itu saja *the process*. Dia bukan kata berleluasa jadi semua *switch* lampu dalam kapal 1.8 meter, bukan. Itu sebagai satu contoh di mana perlu ada *this* interaksi yang kita— okey mungkin anak-anak buah saya terlepas pandang dan *customer* akan komen. Jadi proses itu dari segi rekod adalah satu aktiviti *design* yang masih lagi terbengkalai lah tapi dia tak ada lah kata *design* itu *major failure* kepada *design*. Itu sahaja.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Concluding question, concluding question.* Maknanya isu yang 176 itu, isu-isu macam itulah ya?

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard (BNS)]: Ya, ya. Navy ini Yang Berhormat, memang *detail*. *You know* warna karpet, ketebalan karpet, kerusi macam mana, dia akan *check* satu, satu, satu. Jadi...

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: So, maknanya 176 yang belum *design final* itu *is* benda-benda macam itu?

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard (BNS)]: *[Berucap tanpa pembesar suara]* Ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya kalau tak ada benda itu, tak *conformity* benda-benda macam itu, perang kita masih boleh menanglah? *I mean carpet colour* lain contoh. *Karpet colour* lain...

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard (BNS)]: *That one, I'll let user* sendiri jawablah.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *I'm just asking* lah. *I mean, how critical are these design* punya isu sehinggakan benda itu *being dragged in terms of the reporting* dan sebagainya. *Let me— I just try to understand* lah.

■1140

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Dia, walau— okeylah. *We— all of us may laugh at the issue of light switches and you know, toilet* punya *arrangement* kah apa, *but when it comes to the actual— when push comes to shove*-lah, *when you actually go out for war, the users onboard, the crew who is eventually going to crew this vessel, they need to be comfortable with their working environment. So, we need to ensure that— my team and I are fussy today, because we want to ensure that the crew who will eventually use the ship, can use them to its maximum effectiveness,* itu sahaja. *Of course, the process will take longer than expected. Of course, we get into interesting arguments*

dengan *our shipyard* punya counterparts, but that is the part and parcel of the iterative process in design.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya nak bertanya tadi, *based on my* soalan *since* jawapan kata perkiraan itu tidak ada pertambahan, masih lagi perkiraan yang sama, kos yang sama. Jadi, setuju ataupun tidak, tidak ada keperluan bagi pihak kementerian untuk memikirkan ke arah persiapan menyediakan ke arah *supplemental agreement* yang ketujuh? Saya nak tanya kepada KSU.

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Setakat ini, tidak Datuk. Kita *maintain* dengan apa yang ada.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Teruskan pembentangan. Okey Sik, sekejap. YB Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Terima kasih YB Datuk Wira Pengerusi. Saya nak bertanya kepada Datuk KSU, dalam kita bentang tadi, dalam status semasa, pembayaran terus kerajaan kepada OEM. Di dalam tadi— kita punya apa itu...

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: *Risk table* tadi.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: *Risk table* tadi, maknanya ada lagi disebut bahawa kita ada lagi masalah *contract risk* tadi ini. Makna pembayaran kepada OEM dan vendor ini masih lagi di luar— dalam pelan kita, dalam jadual ya. Apa yang sebenarnya hubungan— apakah kita dah membuat keputusan setiap pembayaran kepada OEM itu *direct* oleh kerajaan, dia tidak melalui kontrak yang ada? Soalannya.

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Setakat ni masih *direct* melalui syarikatlah, tak ada perubahan, sama. Soalannya?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Maknanya, belum lagi bermula proses bagaimana kita putus sebelum ini kata, pembayaran itu *direct* oleh kerajaan.

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Itu jika perlu, Yang Berhormat. Kalau perlu. Maknanya, kalau ada *complaint* oleh syarikat dan kita boleh *direct* kepada OEM tersebut dan kita boleh bayar dia terus. Setakat sebelum ini, kita tak boleh bayar terus.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Okey.

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Kita melalui *main con* dan *main con* bayar *subcon*.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Okey.

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Tapi sekarang ni kita boleh bayar *direct* kepada *subcon* ataupun OEM tersebut.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Jadi, adakah proses itu nampak ada keperluannya untuk kita tengok— sebab bila sudah ada lagi *contract risk* ini yang...

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Setakat ni ialah satu opsyen untuk saya bayar supaya saya tak ada kelewatan daripada segi projek. Kalau ada berlaku dengan *main con problem*, saya boleh *direct* kepada OEM. So, itu satu opsyen yang sangat baik kepada kerajaan kerana untuk memastikan OEM dapat menjalankan kerja di dalam kapal tu, saya ada opsyen tersebut. Itulah. Baiklah untuk saya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ya, terima kasih.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Ada satu soalan saya tadi pasal *non— 23 nonconformity report* tu. *What are the—* boleh *share, what are the nonconformity* punya *issues*?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Sebagai contoh YB, antara *nonconformity issues* yang ditimbulkan ataupun dibangkitkan oleh pasukan projek, contoh *incomplete welding*, percantuman besi di kapal. *When we do our inspection, team* yang turun buat pemeriksaan tu dapati *welding* tu tidak lengkaplah. So, yang itu *shipyard* hasilkan *as a product*. So, bila kita turun buat *inspection*, benda tu timbul *as a nonconformity*. *That is just one example of a few that we have*-lah.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *So, that is the most critical*-lah.

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: *Currently* yang daripada 23 tu, *about 80 percent in terms of welding*, kerja-kerja besilah yang tidak sempurna.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *All right*, boleh selesaikan pembentangan?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Okey, saya selesai dengan *slide* ini, YB. *I move on, next*. Ini *just to orientate everybody* dengan pembinaan kapal tu sendiri. *Yes, we have no additional green blocks at the moment*-lah daripada taklimat kepada YB-YB sekalian tiga bulan yang lepas. *There are no additional green blocks*. Blok tu sama saja warnanya lagi. *So, we are hoping that by Mei, Jun ini akan ada sedikitlah, all right, next*.

Ini status, kita pun dah lihat *slide* ni tadi *on detailed design*. As you can see, *almost all compartments— most of the compartments are already dark green*, tinggal hanya tiga sahaja yang berwarna kuning yang sedang dilaksanakan kerja oleh *both shipyard* dan juga *the design approval authority*. *That, next*. Saya selesai dengan status semasa.

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Yang Berhormat, dengan izin, saya akan pergi kepada tujuan utama mesyuarat ini iaitu untuk memaklumkan syor-syor dan maklum balas daripada MINDEF berhubung syor-syor yang telah dimaklumkan kepada MINDEF. Terdapat 11 syor keseluruhan daripada prosiding-prosiding dulu, prosiding sebelum ni dan enam syor pertama daripada prosiding Dewan Rakyat yang keenam 2023. Kebanyakannya telah dijawab tapi saya akan *go through* secara ringkasnya dan memastikan bahawa syor-syor tersebut telah diambil tindakanlah. Syor pertama ialah untuk pastikan pelan mobilisasi ialah ikut syarat seperti yang ditetapkan dan jawapan MINDEF ialah kita akan pastikanlah pelaksanaan pelan mobilisasi ini ialah mengikut syarat yang telah ditetapkan. Kalau ikut daripada segi pemantauan untuk projek ni, sekarang ni untuk pastikan kapal-kapal tersebut disiapkan ialah sangat ketat jugalah dari segi pemantauan di MINDEF.

Pelaksanaan mobilisasi ini seperti mana yang saya ikut katakan mengikut syarat ialah supaya pada Mei 2024 ataupun mungkin lewat sedikit, Mei atau Jun, kita akan pastikan ia dapat menjalani *harbour acceptance test* dan juga *sea acceptance trial* untuk tempoh 24 bulan apabila kapal tersebut berada di atas air. *Next*.

Syor kedua ialah untuk pastikan kontraktor pembinaan menyiapkan *detailed design*. Seperti mana yang kita bincangkan tadi dan seperti mana yang terkandung dalam kontrak tambahan SA 6, kontraktor pembinaan memang perlulah pastikan bahawa *detailed design* siap sepenuhnya dalam 15 bulan. Setakat ni, masih belum sampai lagi 15 bulan dan sepatutnya 15 bulan adalah berakhir pada Oktober 2024... *[Disampuk]* Ogos 2024. Pihak kontraktor juga tidak menyiapkan dalam tempoh tersebut, pihak kementerian akan mengenakan denda kelewatanlah tapi setakat ni memang pemantauan secara *detail* kita buat, *Insyallah* akan *on time as per August 2024* punya *dateline*. *Next*.

Syor ketiga pula ialah untuk pastikan pengambilalihan BNS oleh Ocean Sunshine mencapai matlamat asal pelaksanaan. So, setakat ni kita ambil maklum bahawa kerajaan akan pastikan pengambilalihan BNS oleh Ocean Sunshine akan mencapai matlamat asal pelaksanaan, memang wakil MOF sentiasa bersama dengan kami dan juga *restructuring* syarikat BNS pun dah selesai pada makluman

saya. Pada 17 Januari baru ini, dia ditukar nama kepada syarikat LUNAS lah ataupun Lumut Naval Shipyard. Okey, *next*.

Syor keempat pula ialah MINDEF dan TLDM adalah bertanggungjawab dalam pastikan keseluruhan projek bagi lima kapal LCS bernilai RM11.2 bilion disiapkan dan diserahkan kepada TL mengikut tempoh dan kos yang dipersetujui seperti dalam perjanjian *supplementary 6*. MINDEF bersama ATM akan pantau melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang ditetapkan seperti di bawah iaitu Mesyuarat Kemajuan Kerja oleh Pasukan Projek TLDM, Jawatankuasa Teknikal LCS di Kementerian Pertahanan secara berkala, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang setiap tiga bulan dan pelaporan ini dibuat pada— mengikut 25 hari bulan kita akan ada laporan lengkap dan pada *next* pelaporan kita, kita akan memberi pelaporan yang lebih lengkaplah kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Juga kita ada PMC iaitu *Project Monitoring Committee* yang dipengerusikan bersamalah sendiri oleh saya dan juga Ketua Setiausaha Perbendaharaan nanti. *Next*.

Syor kelima iaitu kementerian dan AGC hendaklah pastikan supaya draf kontrak dirunding dengan syarikat telah dirujuk dan disemak sebagai teratur seperti dipersetujui oleh AGC. Untuk makluman, memang kita ada perbincangan dengan AGC untuk draf kontrak tambahan LCS 6 ini sejak April tahun lepas dan rentetan daripada keputusan Jemaah Menteri pada 19 April 2023, satu siri taklimat pada 27 April 2023 dan tiga siri perbincangan telah diadakan di Pejabat AGC.

■1150

Hasil daripada kesemua libat urus ini, MINDEF telah menerima sebenarnya ulasan daripada AGC dan ulasan AGC tersebut adalah melalui surat bertarikh 24 Mei 2023 di mana AGC telah membangkitkan empat perkara iaitu *progress payment plan*, *integrated logistics support (ILS)*, *detailed design* dan juga LAD. Mengambil kira pandangan AGC ini, kita telah pastikan bahawa perkara-perkara dalam ILS dilaksanakan secara berasingan termasuk definisi skop ILS dikekalkan dalam kontrak dengan perjanjian berasingan. Jadi, input-input daripada AGC memang kita ambil kira dan memang kita ada merujuk kepada AGC-lah di dalam proses memastikan SA6 dilengkapkan.

Untuk isu *progress payment* pula dan juga *detailed design* dan LAD, ianya telah dibincangkan dan telah dipersetujui bersama dengan pihak TLDM dan juga sekarang ini LUNAS serta pindaan sebahagiannya telah pun dibuat sebagai mana yang ulasan SA6 oleh AGC-lah. SA6 telah ditandatangani seperti yang kita maklum pada 26 Mei 2023 setelah mengambil kira ulasan daripada AGC inilah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebelum Datuk pergi ke syor yang seterusnya, saya nak tanya bila ada berkenaan dengan LAD ini, bagaimana dengan kelewatan yang hampir tiga bulan sebagai mana yang dinyatakan tadi? So, bagaimana dengan isu LAD berkenaan dengan kelewatan ini? Boleh jelaskan?

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Kita ada *checkpoint* kitalah. So, kebanyakan daripada perbincangan mengenai LAD ini akan sampai kepada *checkpoint*. So, *checkpoint* akan ada dia punya KPI-KPI yang ditetapkan. Apa yang dia perlu capai. So, setakat ini belum lagi Mac 2024. So, LAD ini kita akan tentukan masa tersebut. So, *project team* akan pastikan tengok dengan jadual asal dan juga jadual *current* dan tengoklah perbezaan itu dan kita akan membuat pengiraan LAD.

Next one ialah syor keenam iaitu syor akhir daripada DR.6 iaitu Jabatan Audit Negara perlu menjalankan pengauditan sebelum LCS 1 diserahkan kepada TLDM dan kita akan bentangkannya di Parlimen. Untuk makluman, Jabatan Audit Negara juga telah memulakan pengauditan mulai Mac 2023 berhubung dengan pengurusan pembinaan kapal TLDM supaya ia dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan juga berkesanlah untuk capai seperti mana objektif yang kita tetapkan semasa kita *sign* SA6 pada Mac 2023.

So, salah satu kontrak di bawah pengauditan pengurusan kapal adalah berkaitan dengan perolehan LCS inilah dan kita akan bekerjasama dengan Jabatan Audit Negara untuk pastikan maklumat berkaitan perolehan ini diterima oleh Jabatan Audit Negara untuk mereka melaksanakan audit. Okey, itu adalah enam syor pertama daripada prosiding DR.6.

Next, seterusnya daripada prosiding DR.13. So, ada lima syor dan PAC bersetuju supaya MINDEF perlu bentangkan laporan kemajuan LCS setiap tiga bulan. Untuk makluman, memang kita akan pastikanlah pembentangan ini dibuat secara seperti mana yang kita janjikan iaitu setiap tiga bulan sehingga projek LCS ini disempurnakanlah.

Syor kedua pula iaitu MINDEF perlu bentangkan laporan kemajuan kepada PAC mengikut piawaian pengurusan projek antarabangsa termasuk dan tidak terhad kepada fizikal dan kewangan. Seperti mana yang kita dapat melihat daripada pembentangan status tadi, pembentangan kita agak *detail*-lah untuk makluman pihak ahli-ahli PAC dan sangat terperinci dan perkara ini juga adalah seperti mana yang kita telah tetapkan dalam kontrak tambahan SA6 ini.

Syor ketiga pula iaitu MINDEF perlu pastikan kontraktor pembinaan untuk siapkan *detailed design* ini ada seperti mana syor dalam DR.6 juga. Jawapan sama

iaitu kita akan pastikanlah yang kontraktor pembinaan perlu menyiapkan *detailed design* sepenuhnya dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Pembayaran perlu dibuat kepada OEM. Syarikat *Boustead Naval Shipyard* akan melaporkan juga kepada MINDEF mengenai status pembayaran kepada OEM dan vendor berkaitan dengan pembinaan LCS inilah dan juga MINDEF juga telah membuat penambahbaikanlah seperti mana yang kita maklum bahawa kita boleh terus membayar kepada OEM jika ada isu-isu kelewatan pembinaan ataupun isu-isu pembayaran berlaku.

Akhir sekali iaitu syor kelima iaitu MINDEF dan TLDM perlu pastikan sebarang penggunaan dana digunakan secara berhemat dengan mengutamakan keperluan untuk siapkan LCS dan tidak membazirlah. MOF perlu memainkan peranan lebih proaktif dalam pastikan tiada pembaziran wang rakyat dalam projek pembinaan LCS. Kementerian bersama dengan TLDM akan pastikanlah penggunaan peruntukan seperti mana yang telah termaktub dan juga saya telah maklumkan bahawa silingnya telah ditetapkan dan belum ada apa-apa kos-kos tambahan telah dimaklumkan ke mereka dan kita akan pastikanlah bahawa kita akan bina dan siapkan kapal ini dalam seperti mana perjanjian yang telah ditetapkan iaitu kos yang telah kita janjikan berdasarkan kontrak tambahan ke SA6 inilah.

Itu sahaja saya rasanya 11 syor yang telah dibentangkan kepada MINDEF dan MINDEF telah mengambil perhatian dan tindakan ke atas semua 11 syor yang telah dimaklumkan oleh PAC. Sekian, terima kasih Yang Berhormat.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Pengerusi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya. Terima kasih, Datuk KSU. Kluang?

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih, Pengerusi. Jadi, saya ada satu soalan aju kepada pihak SPRM sebenarnya. Ada wakil di sini? Jadi, saya ingin tahu status terkini berkenaan siasatan kes LCS ini khasnya bagaimana dengan siasatan berkenaan dua orang tengah iaitu CAD dan CED. Ada apa kemajuan tidak dan juga sama ada, ada perancangan nak mendakwa mana-mana suspek lagi kerana setakat ini kita hanya tahu ada satu orang yang dibawa ke mahkamah sahaja?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebelum – boleh jawab dahulu, SPRM.

Awang Samsul Baharam bin Bungso [Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]: Berkaitan dengan siasatan SPRM mengenai – Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, siasatan masih dalam tindakan SPRM yang mana kami sedang menyediakan dokumen bagi permohonan MLA ke *Singapore* dan juga Perancis.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh ulang balik? Secara jelas.

Awang Samsul Baharam bin Bungso [Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]: Pihak SPRM sedang menyediakan permohonan untuk *mutual legal assistance* (MLA) terhadap Singapura dan juga Perancislah.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, arah mana yang kita perlu kerjasama Perancis dan juga Singapura? Skop mana?

Awang Samsul Baharam bin Bungso [Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]: Berkaitan dengan perkara ini, mohon kami berikan maklum balas secara bertulis kerana perkara berkaitan dengan siasatan, ia berada di bawah seksyen 29(3)-lah. Maknanya tidak boleh didedahkan oleh pegawai kanan berpangkat Pesuruhjaya atau Timbalan Pendakwa Raya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Susulan soalan ini, saya nampak bahawa siasatan kepada CAD dan CED ini dah lama macam tak ada *progress* yang boleh meyakinkan kepada rakyat bahawa *perpetrators* itu dapat dihadapkan ke muka penghakimanlah. Terima kasih.

Awang Samsul Baharam bin Bungso [Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]: Berkaitan perkara ini YB, untuk siasatan ia ada melibatkan beberapa kertas siasatanlah. Satu pendakwaan telah dibuat. Cuma ada satu lagi kertas siasatan yang perlu kita dapatkan keterangan daripada saksi-saksi di luar negara. Jadi, untuk menyatakan bahawa tindakan tidak diambil itu, pada pandangan kami pendakwaan telah dibuat. Cuma ada satu kertas siasatan yang masih lagi dalam tindakan kamilah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Masih lagi berkenaan dengan CAD. Saya ingin bertanya soalan kepada Kapten Azhar. Jadi, apakah status penyelesaian dengan syarikat CAD yang telah pun dimuktamadkan dan berapakah amaun yang terlibat? Adakah penyelesaian ini muktamad dan maksudnya BNS boleh bergerak terus secara bersendirian tanpa CAD?

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard (BNS)]: Yang Berhormat Datuk *Chairman* PAC. Status *settlement agreement* kita dengan CAD adalah telah selesai dan muktamadlah di mana kita juga telah membuat bayaran yang terlibat. Seperti saya jelaskan sebentar tadi, bayaran ini adalah untuk kerja-kerja yang telah mereka laksanakan. Bukan sebagai satu bentuk pampasan ataupun tambahan kos kepada persetujuan mereka untuk keluar daripada ikatan kontrak. Jumlah yang terlibat lebih kurang RM190 juta dan juga telah dibayar pada penghujung tahun lepaslah.

Dalam masa ini, pihak syarikat telah berunding untuk proses novasi kontrak daripada ikatan kontrak antara CAD dan OEM untuk kontrak tersebut dinovasikan kepada BNS secara terus. Daripada 10 OEM terlibat, kita telah berunding dan hampir muktamadkan kontrak novasi tersebut melibatkan sembilan OEM. So, sembilan OEM daripada 10 telah hampir selesai rundingan, yang masih lagi berlangsung untuk bermula tinggal satu sahaja. Jadi kita jangkakan ia boleh diselesaikan dalam masa sebulan dua ini. Untuk membolehkan BNS secara rasmi melalui ikatan kontrak yang baharu berurusan secara terus dengan OEM. So, ia hampir selesai, Yang Berhormat Datuk Wira.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Yang belum selesai, yang satu OEM itu tempatan atau luar negara?

Kapten Ir. Azhar Jumaat [Boustead Naval Shipyard (BNS)]: OEM luar negara Yang Berhormat. Ia *actually* melibatkan Naval Group Perancis. Untuk peralatan *combat management system*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Berkenaan dengan LAD. Hasil penemuan daripada PAC yang lepas, LAD yang dikenakan setakat 10 Jun 2020 berjumlah RM217.50 juta. Bila ada elemen *capping* itu dia boleh *up to* RM180 juta. Dalam SA6 tidak ada dinyatakan berkenaan dengan LAD. Adakah sama LAD yang dikenakan yang lepas dengan yang diambil kira untuk SA dan saya nak bertanya sudah kah pembayaran dibuat untuk kelewatan sebanyak 435 hari ini?

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Untuk yang *capping* itu dalam SA6 sudah tidak ada *capping* sudah. Kita dah *do away* dengan *capping* dan untuk *four hundred...* berapa Yang Berhormat?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: 435 dengan nilai denda berjumlah RM217.50 juta.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Yang Berhormat, mereka sudah bayar LAD yang pertama tapi bila ada perubahan dan *amendment* dalam SA6 bila tidak ada *capping* itu so, dia orang kena – rasa ada tambahan sedikit? Pengecualian. So, dalam SA6 ini ada pengecualian sedikit, so, kita akan buat *adjustment* mengikut perjanjian SA6 ini.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh jelaskan apakah pengecualian tersebut yang diberikan?

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Saya minta pegawai saya untuk bantu saya sedikit. Terima kasih.

Encik Mohammad Abiddin bin Abd Rahman [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, saya Abiddin dari Bahagian

Perolehan, MinDef. Untuk pelaksanaan SA6 LCS ini, ada beberapa keputusan yang telah diangkat untuk mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri.

Antaranya adalah melanjutkan tempoh kontrak ini sehingga 83 bulan dengan status semasa ini. Kita membuat perubahan daripada *capping* LAD kepada tiada *capping* di mana, maknanya kalau ada *actual* kelewatan yang telah dibuat oleh pihak syarikat dan akan dibuat *actual calculations* dan bagi kelewatan yang berlaku sebelum SA6 ini dimuktamadkan, telah diberi pengecualian *waiving* untuk dikenakan LAD kepada pihak syarikat. So, itu adalah keputusan yang telah dimeterai dan diputuskan oleh pihak Jemaah Menteri. Terima kasih.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, fasal duit ini, nak tanya KSU. Daripada bajet keseluruhan termasuklah yang ditambah ini, untuk enam dan sekarang lima LCS ini, berapakah yang telah digunakan dan *are you keeping the rest* dan dibayar *according to the progress* ke macam mana ini? *Where is the money?* Yang RM11.2 bilion ya?

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Balik slaid tadi itu, yang kita ada *progress* itu. Ini kos itu. [*Merujuk pada slaid pembentangan*]

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Yang dah dipakai. RM4 bilion? RM4.2 bilion?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Kementerian Pertahanan Malaysia]: *Sorry*, YB. Tidak, *collection* ataupun jumlah yang kerajaan telah bayar setakat ini adalah RM7.01 *billion*. Ini termasuk nilai yang sebelum kontrak tertangguh. *This is cumulative*, daripada permulaan projek.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Maknanya, sampai habis lima kapal, kerajaan hanya perlu bayar RM4.2 *billion*. *That's your ceiling, you said*, bukan? *This is your RM4.2 billion* belum lagi dibayar?

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Betul.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *No matter what*.

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: *Yes*.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Kan?

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Betul.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Itu kita kena jelas itu.

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Ya, kita bayar ikut *progress*-lah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *We haven't— because our first ship* pun belum turun lagi.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, sedikit berkaitan dengan dari segi penemuan kita dalam prosiding yang sebelum-sebelum ini. Dalam status perolehan dan pembayaran adalah dilihat *claim submit* dan *claim received* itu dia tidak sekata. Maksudnya ia tidak berdasarkan *progress* kepada pembinaan kapal kita ini.

Jadi, mungkin Datuk KSU baru bermula dalam melihat ini. Apa yang dilihat mungkin kekurangan atau kelemahan atau kelompangan yang telah dikenal pasti? Sebelum ini yang kita lihat perlu ada penambahbaikan supaya kelemahan itu tidak lagi berulang apabila pembayaran itu melebihi *progress* kepada pembinaan kapal itu.

Kalau dilihat dalam *last* punya slaid ini, status pembayaran, itu keseluruhan daripada awal ya, yang dah *claim submit* itu RM7.8 *billion* dan amaun *claim received* itu RM7.016 *billion*. Kita ada *balance* lagi. Itu nampak adalah. Cuma maksud saya itu ialah bagaimana untuk *way forward* kita supaya ia dapat kita tidak ulangi bagaimana ada kelemahan dalam kita buat perolehan ini? Terima kasih, Datuk.

Datuk Seri Isham bin Ishak [Kementerian Pertahanan Malaysia]: Yang Berhormat saya rasa selepas isu ini berlaku, MinDef pun kita sudah banyak kali mesyuarat untuk pastikan bahawa perkara ini tidak berlaku lagi. Kita memang *follow very strictly* SOP yang telah ditetapkan dan juga jadual pembayaran yang kita tetapkan.

Kalau ikut jadual pembayaran dan *progress* selalunya memang ada *gap* antara *progress* dan *payment* itu. Selalunya *gap* dia lebih kurang empat sehingga lima peratus. Itu memang selalunya semua projek lebih kurang macam itulah.

So, untuk projek ini sekarang ini nampak ia tidak ada anomali. Setakat ini saya tidak nampak apa-apa yang baharu yang kita hendak buat tetapi pemantauan dan penambahbaikan telah dibuat. Yang saya dimaklumkanlah. So, saya hanya pastikan bahawa perkara yang penambahbaikan yang dibuat sebelum ini kita *follow* betul-betul, memang ikut prosedur.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Yang Berhormat ada soalan lain? Okey? Nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sudah tidak ada soalan. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Isham bin Ishak selaku Ketua Setiausaha, Laksamana Franklin dan Kapten Azhar dan semua pasukan daripada MinDef yang turut bersama pada hari ini.

Kita harapkan— sebab ini adalah merupakan perkara yang menjadi kepentingan awam yang ditunggu-tunggu dan kita harapkan dapat meneruskan usaha dan juga komitmen yang baik untuk memastikan peluncurannya seperti mana

di dalam jadual dapat dilaksanakan. Begitu juga dengan ketetapan pada Ogos 2024 ini dapat dilaksanakan. Maksudnya dengan jayanya.

Untuk itu saya tangguhkan kita punya mesyuarat ini pada jam 12.10 minit tengah hari. Terima kasih banyak-banyak.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.10 tengah hari]



JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur

Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)

E-mel: pacparlimen@parlimen.gov.my